

Jilid II
Bil. 31



Hari Selasa
12hb Disember, 1972

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3975]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 4001]

Anggaran Pembangunan, 1973 (11hb Disember, 1972) [Ruangan 4001]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 (11hb Disember, 1972) [Ruangan 4001]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi
PENGGAL YANG KEDUA

Hari Selasa, 12hb Disember, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).

” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Krian Darat).

” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

” NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

” DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., S.M.K. (Tumpat).

” Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

” PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

” TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

” TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

” TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

” TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).

” TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

” TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

” PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

” TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

” DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

” TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M. A.M.N., J.P., (Sungei Patani).

” DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

” CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

” TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

” TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

” AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

” TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

” TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

” TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

” DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

” TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

” TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).

” TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

” TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

Yang Berhormat TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).

- ” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- ” DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- ” TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- ” TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- ” TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- ” TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- ” TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- ” TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- ” TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- ” DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
- ” TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- ” TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- ” TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- ” TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- ” TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- ” TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- ” DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- ” TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- ” TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- ” TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- ” TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- ” WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- ” TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- ” TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).

Yang Berhormat TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

- " RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- " PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- " TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- " TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- " DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- " TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- " TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- " DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- " TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- " TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Dato).
- " WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- " TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).
- " TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- " DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- " DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- " TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- " TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- " TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- " TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- " TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- " TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- " TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- " TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- " TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- " TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- " TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR :

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

- " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN,
S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- " Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- " Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- " Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- " Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- " Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- " Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- " Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- " DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- " PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- " TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- " TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- " DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- " TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " DATUK PETER LO SU YIN (Sandakan).
- " TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- " DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. Datuk Sri Paduka Raja (Kota Bharu Hulu).
- " TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- " TAN SRI DATUK HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- " TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- " DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- " DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- " DATUK S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- " TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- " DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

WARGANEGARA MALAYSIA DITEMUDUGA OLEH CAWANGAN KHAS

1. Tuan Loh Jee Mee (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar warga-negara-warganegara Malaysia yang kembali dari lawatan ke Republik Rakyat Cina ditemuduga oleh Cawangan Khas dan jika ya, sila nyatakan sebab-sebab untuk temuduga-temuduga itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, bukanlah kesemuanya ditemuduga oleh pihak Polis. Tujuan temuduga itu ialah dengan sebab-sebab yang tertentu dan "in public interest" tidak boleh diberitahu apa dia sebab-sebab itu.

LAPANGANTERBANG DI IBU KOTA NEGERI-NEGERI

2. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada rancangan-rancangan untuk mengadakan sebuah lapangan terbang di tiap-tiap ibu negeri dan di tiap-tiap pusat pelancungan yang besar di negara ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, sebenarnya di semua ibu-ibu kota negeri-negeri dalam Malaysia telah ada lapanganterbang-lapanganterbang kecuali Negri Sembilan dan Perlis. Satu Lapanganterbang baharu sedang dibina di Senai, Johor Bahru. Setakat ini belum lagi ada rancangan hendak membina lapanganterbang di ibu kota Negri Sembilan dan Perlis itu. Tentang rancangan membina lapanganterbang tempat tempat pelancung sebagaimana di Sitiawan sudah ada lapanganterbang kecil yang dirancang, apabila keadaan kewangan mengizinkan rancangan ini akan dimulakan, ini sedang ditimbangakan. Begitu juga di Rimba

Negara ada juga rancangan ini dan ini adalah menunggu kewangan juga manakala di-Langkawi pula memang sudah ada lapanganterbang di sana, tetapi lapanganterbangnya kecil untuk pendaratan kapalterbang kechil sahaja.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar iaitu lapanganterbang di Melaka terlalu kecil jika dibandingkan dengan tempat-tempat yang lain? Adakah rancangan Kementerian ini akan membesarkan lagi Lapanganterbang Batu Berendam di Melaka?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Lapanganterbang yang kecil seperti pendaratan Fokker Friendship akan ditimbangakan apabila sesuai dengan keadaannya.

MELETAKKAN TANDAHARGA PENIAGA-PENIAGA

3. Tuan V. David minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan peniaga-peniaga yang telah ditangkap dan didakwa sehingga 30hb November, 1972 kerana tidak menunjukkan tandaharga, dan menaikkan harga barang-barang keperluan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di Pertua, sehingga 30-11-72, Kementerian saya telah mengambil tindakan undang-undang terhadap peniaga-peniaga yang tidak meletakkan tandaharga di atas barang-barang jualan mereka seperti berikut:

Kedah	4	orang	peniaga
Perlis	1	"	"
Pulau Pinang	1	"	"
Perak	1	"	"
Selangor	12	"	"
Negri Sembilan	4	"	"
Melaka	4	"	"
Johor	4	"	"
Pahang	3	"	"
Trengganu	1	"	"
Kelantan	6	"	"
Sabah	1	"	"
Sarawak	—	"	"
Jumlah	42	"	"

Daripada 42 kes yang dinyatakan, 6 daripadanya telah dibicarakan pada 27-11-72 di Kuala Lumpur. 2 daripadanya telah didapati salah dan didenda sebanyak \$500 seorang. 4 daripada kes itu akan dibicarakan pada 19-1-73 pula. 36 kes yang lain itu, akan dibicarakan apabila tarikhnya ditetapkan oleh Mahkamah-mahkamah di negeri-negeri yang berkenaan.

Kementerian saya tidak ada kuasa di bawah undang-undang sekarang untuk mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga yang menaikkan harga barang-barang. Walau bagaimanapun, apabila harga barang-barang keperluan dinaikkan keparas yang tidak berpatutan, Kementerian saya telah berjaya, setakat yang boleh, melalui jalan-jalan lain, meminta peniaga-peniaga menurunkan harga-harga itu ke paras yang lebih berpatutan.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri berfikir mengadakan tags itu prektikal dan adil seperti makanan (menu) di restoran dan rokok-rokok?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di Pertua, sangatlah prektikal, kerana di kedai dan restoran diadakan satu menu card di mana ditunjukkan harga kuih tiau, mee goreng dan sebagainya. Ini sudahpun dijalankan. Dan berkenaan dengan rokok pula, dengan kerjasama daripada syarikat-syarikat rokok mereka akan menyediakan satu kad yang menunjukkan bahawa harga rokok yang berkenaan itu dengan tidak payah diusahakan oleh peniaga-peniaga itu sendiri.

Dr Chen Man Hin: Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi tahu definition of fair price kepada barang-barang, seperti harga kopi dijual di tepi jalan dengan harga 15 sen, tetapi di kedai kopi di jual dengan harga 20 sen manakala di hotel-hotel besar pula dijual dengan harga \$1.00.

Tuan Mohamed Khir Johari: Itu terpulang kepada tempat masing-masing. Kalau barangkali di Seremban murah sedikit, tetapi di Kuala Lumpur terutama di Hotel Hilton umpamanya barangkali harganya \$1.50 kerana dia bawa seteko kopi siap dengan gula dan susunya sekali. Di Parlimen kita ini pun begitu juga, oleh kerana kita sebagai

Ahli Parlimen, dia charge mengikut taraf itu juga, jadi adalah susah bagi saya hendak memberi definisi yang tertentu tentang hal ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, kita nampak sekarang harga barang-barang naik oleh kerana adanya price tags yang dibawa oleh Kerajaan, bolehkah Kerajaan membawa Undang-undang bagi menetapkan harganya. Umpamanya ini diadakan price tags bagi barang yang berharga \$1.50 maka ditaruh \$2.00. Kalau Kerajaan boleh membawa Undang-undang yang boleh ditetapkan harganya dan siapa yang mengenakan harga yang lebih, Kerajaan boleh mengambil tindakan, bolehkah Kerajaan membawa Undang-undang seperti itu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di Pertua, setakat ini kita tidak boleh buat bagi semua barang, tetapi ada barang-barang yang kita sudah membuatnya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak ada kuasa untuk menahan daripada menaikkan harga barang, apakah usaha-usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya rakyat tahu di atas harga barang-barang itu, kerana sekarang ini rakyat tidak tahu oleh kerana kalau penjual kata seringgit, maka seringgitlah; kalau pembeli bertanya fasal apa dahulu harga 50 sen maka penjual menjawab, ini ialah oleh kerana Kerajaan menaikkan cukai atau sebagainya. Apakah usaha supaya rakyat tahu harga yang sebenarnya?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya tidak ingat hendak melarang seorang pekedai; misalnya harga telur dia hendak bubuh seringgit sebiji, kalau dia bubuh seringgit sebiji maka tidak siapa pun hendak pergi membeli di kedainya. Itu adalah perkara yang mustahil. Tujuan kita mengadakan tanda harga itu ialah untuk menunjukkan apa yang kita anggap sebagai fair price. Kalau sebuah kedai dia cuba mengambil untung lebih dengan meletakkan tanda harga yang tidak berpatutan, maka saya ingat ini satu perkara yang bukan prektikal baginya sebagai seorang peniaga. Tentang pihak kita hendak memberi satu panduan kepada pengguna di atas harga-harga itu maka dalam siaran radio memang

ada disiarkan harga-harga barang yang tertentu dari satu masa ke satu masa dan saya percaya ini adalah menjadi satu panduan kepada pembeli-pembeli, bukan sahaja harga barang-barang biasa, tetapi juga harga ikan; ikan kurau, ikan kembung, semuanya ada disiarkan oleh Radio Malaysia.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, Adakah siaran radio yang menunjukkan harga satu-satu barang ini hanya dipakai di pasar Kuala Lumpur, Pulau Pinang, ataupun Ipoh sedangkan di tempat-tempat yang lain harganya adalah lebih mahal? Apakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh buat atas kejadian seperti ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Setahu saya harga-harga di pasar-pasar tempat lain adalah lebih murah lagi daripada di Kuala Lumpur ataupun di Pulau Pinang. Misalnya di Kemaman ataupun di Dungun, kalau saya boleh beli ikan di sana tiap-tiap hari, saya boleh mendapat untung cukup banyak, kerana saya tahu harga di sana cukup murah daripada harga di Kuala Lumpur sini.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di Pertua, selalunya harga makanan seperti ikan bilis, ubi kentang dan sebagainya naik dari satu masa ke satu masa. Saya ingin mendapat tahu, siapakah yang menaikkan harga ini—who determines the price?

Tuan Mohamed Khir Johari: Itu adalah undang-undang supply and demand yang akan mendeterminekan harga satu-satu benda itu. Misalnya ikan bilis, kita mengimpot begitu banyak, jadi keluaran yang ada di Langkawi ataupun di Lumut, atau di Pulau Pangkor adalah tidak mencukupi bagi pasaran tempatan. Oleh kerana itu kalaulah harga ikan bilis di Thailand di mana kita mengimpot ikan bilis itu naik, maka terpaksa pекedai-pekеdai itu menaikkan harga ikan bilis. Ini adalah satu perkara yang bukan selalu berlaku, tetapi seasonal maka haruslah kita sebagai pengguna terpaksa sabar sedikit.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Menteri kata kadang-kadang tidak cukup barang-barang ini, oleh kerana hendak dibawa daripada luar negeri, harga barang-barang ini naik, tetapi beras yang ada di negeri kita yang dikatakan

double cropping—sudah berjaya, tetapi harga beras di Singapura adalah murah dan di sini harganya mahal, mengapa, bolehkah diberitahu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Beras apa yang murah, itu kita hendak tahu. Setahu saya beras di sini lebih murah daripada beras di Singapura.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, kalau mahu saya boleh bawa sample beras itu dan tunjukkan harganya, apakah Yang Berhormat Menteri boleh menjawab kalau tidak, bolehkah dia letak jawatan?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya mesti jawab dan saya harap sample beras itu dihantarkan ke pejabat saya. Saya hendak tengok sample beras itu, barangkali itu beras hancur dengan sebab itu harganya murah. (Ketawa)

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, kalau Yang Berhormat Menteri boleh menerima cabaran saya, kita boleh bawa nanti Menteri kata, ini beras tidak guna. Nampaknya harga beras di Singapura murah dan harga di sini mahal pula kerana Kerajaan tidak mengontrol harganya itu. Saya minta Kerajaan membawa undang-undang yang boleh kontrol harga barang-barang kita, bolehkah Kerajaan memikirkan hal ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di Pertua, saya telah pun jawab soalnya tadi.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Adakah Kementerian yang berkenaan ini sedar walaupun barangkali telah ada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas pemeriksaan bagi menetapkan harga-harga barang yang telah ditentukan, tetapi walaupun bagaimanapun pegawai pemeriksa tidak dapat menjalankan kesemuanya bagi pihak pekеdai di seluruh negara. Adakah Kementerian ini barangkali kurang pegawai-pegawai pemeriksanya supaya dapat ditambahkan lagi pada masa yang akan datang dan ditetapkan pada tiap-tiap sebuah negeri di Malaysia ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Sepertimana saya katakan tadi ini adalah satu perkara yang berkehendakkan satu siasatan yang penuh dan juga pegawai-pegawai yang banyak di mana dibuat di lain-lain negeri yang mengadakan comprehensive price control, tetapi di negeri kita ini, saya ingat tidaklah mustahak yang kita hendak menjalankan setakat ini, sungguhpun begitu pihak Kementerian saya melalui gudang-gudang yang mengeluarkan barang-barang itu sudah pun mengadakan satu kata sepakat supaya mereka itu dapat menjual barang-barang mereka itu dengan cara wholesale dengan harga yang berpatutan, tetapi bagi pihak saya, bagi pihak Kementerian hendak kontrol semua sekali peniaga-peniaga kecil (retailers) dalam negeri kita, saya fikir tentulah Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa tidak dapat kita buat setakat ini.

PENGAMBILAN PEKERJA-PEKERJA KONTREK

4. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mengapa pengambiln buruh-buruh luar jangka atau kontrek masih digalakkan dan sama ada beliau akan mengemukakan undang-undang bagi mengawal amalan ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di Pertua, tidak sesiapa pun yang menggalakkan pengambiln pekerja-pekerja kontrek berbanding dengan pekerja-pekerja tetap. Kementerian saya menggalakkan majikan, seberapa yang mungkin, supaya mengambil pekerja-pekerja terus atas dasar tetap. Walau bagaimana pun, mestilah diakui bahawa di dalam keadaan tertentu dan perusahaan-perusahaan tertentu, pengambiln pekerja-pekerja sementara dan kontrek tidak dapat dielakkan. Saya sentiasa mengkaji perkara ini, tetapi saya tidak fikir bahawa undang-undang khas diperlukan pada masa ini kerana undang-undang buruh adalah terpakai kepada semua pekerja.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Kementerian yang berkenaan membuat satu peraturan supaya ditegah buruh-buruh kita daripada Malaysia bekerja di Singapura kerana selama mereka bekerja di Singapura hak-hak buruh itu mereka tidak perolehi.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ini tidak bersangkut dengan soalan yang asal.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Kerajaan memberitahu kepada Dewan ini, berapa kes sampai sekarang pegawai-pegawai Kementerian ada membawa orang yang bekerja sebagai contract casual, atau temporary, yang tidak membayar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, tidak bayar sugu hati bila dia meninggal dunia atau luka, bolehkah memberi satu figure, berapa orang yang kena tangkap dalam negara kita sampai sekarang?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, seperti saya nyatakan tadi bahawa Undang-undang Buruh yang ada sekarang terpakai kepada semua pekerja. Untuk hendak mendapat angka-angka majikan-majikan melanggar undang-undang, saya minta notis, Tuan Yang di Pertua.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, kalau begitu pegawai-pegawai Kementerian Buruh.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Timbalan Menteri berkehendakkan notis terlebih dahulu.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, saya suka beri penerangan (information) kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Ladang Palm Oil Bukit Raja di Meru, Kelang sana ada 70 orang yang casual, tidak membayar Wang Kumpulan Simpanan Pekerja, bolehkah Kerajaan siasat atas perkara ini?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat tahu ada pekerja-pekerja yang tidak dibayar EPF (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) tugas Ahli Yang Berhormat itu melaporkan perkara ini kepada Lembaga EPF. Bercerita di sini sahaja bermakna hendak membuat cheap publicity. Sepatutnya Ahli Yang Berhormat itu segera melaporkan perkara ini dan majikan itu akan dikawal dalam undang-undang.

Tuan V. David: Soalan Tambahan, Tuan Yang di Pertua, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata saya pergi menyiasat atas perkara ini, apa guna Menteri duduk

sana—letakkan jawatan. Sekarang saya beritahu ada 70 orang yang tidak di bayar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, itu adalah kuasa pegawai Kementerian Buruh—kalau tidak tahu undang-undang kita boleh ajar.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Apa soalnya?

Tuan V. David: Bolehkah Kerajaan mengambil tindakan atau tidak?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Timbalan Menteri sudah menjawab bahawa Ahli Yang berhormat kena memaklumkan kepada EPF—itu adalah soalan lain.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan Tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri berpuas hati dengan contract system buruh sekarang ini?

Tuan Lee San Choon: Saya kurang faham.

Tuan Loh Jee Mee: Adakah Kerajaan berpuas hati dengan contract system buruh sekarang ini?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya telah jawab soalan ini dalam jawapan saya tadi.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Buruh menyiasat dan mengetahui, ada setengah-setengah majikan telah menganiaya buruh-buruhnya dengan secara dia mengelakkan pembayaran wang kepada EPF—Wang Kumpulan Simpanan Pekerja, maka pekerja-pekerja itu dua hari lagi cukup tiga bulan orang itu diberhentikananya, kemudian datang satu orang lain bekerja menggantikan tempat dia.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Apa soalnya itu?

Tuan Hashim bin Gera: Adakah Kementerian Buruh mengetahui kelakuan majikan yang sedemikian itu menganiaya buruh-buruh yang bekerja di kilangnya supaya tidak menaruh wang dalam Wang Kumpulan Simpanan Pekerja?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat bahawa tidak sesiapa pun yang menggalakkan pengambilan buruh secara kontrek. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ada mengeluarkan circular kepada majikan-majikan yang ada dinegara ini supaya menerima buruh dengan secara kekal dan tidak secara kontrek.

Tuan Lee San Choon: Kita sentiasa ada membuat kenyataan dari masa ke semasa atas perkara ini, perkara buruh kontrek dan juga apabila rakan-rakan saya dan saya melawat tempat-tempat bekerja, kita menerangkan pendirian Kerajaan atas perkara ini. Dengan itu, saya fikir kita telah membuat apa yang patut di-buat dalam perkara ini.

Tunku Abdullah Ibn Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa jikalau dibenarkan pemborong-pemborong menggunakan contract labour, maka barangkali susahlah kita hendak menggalakkan bumiputra diambil bekerja sebagai buruh-buruh.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya telah jawab tadi; adalah diakui bahawa di dalam keadaan tertentu dan perusahaan-perusahaan tertentu pengambilan pekerja-pekerja sementara atau kontrek tidak dapat di elakkan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, adakah Kementerian yang bertanggungjawab tahu iaitu di estet, terutama sekali estet-estet orang putih, banyak buruh-buruh yang telah bekerja bertahun-tahun, kemudian dia diberi notis sebulan diberhentikan kerja, selepas itu diambil contract workers. Jadi apa tindakan akan diambil oleh Kementerian ini?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, jikalau ada pekerja-pekerja yang telah bekerja bertahun-tahun seperti yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang dia kena buang dengan sebulan notis sahaja, silalah melapurkan kepada kita dan kita akan ambil tindakan yang sesuai.

CUTI REHAT BAGI KAKITANGAN HOSPITAL

5. Tuan Chan Fu King minta Menteri Kesihatan menyatakan samada ia sedar atau tidak yang pembantu-pembantu hospital, jururawat-jururawat, atenden hospital dan kakitangan hospital yang lain di Hospital Telok Anson tidak berjaya untuk mengambil cuti tahunan mereka yang terkumpul kerana kekurangan kakitangan dan nyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk membolehkan mereka mengambil cuti mereka.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, berkenaan Cuti Rehat atau Cuti Tahunan bagi pegawai pegawai atau kakitangan di hospital ini kecuali jururawat-jururawat, tiada apa-apa masalaunya dan mereka boleh mengambil atau menggunakan cuti mereka pada tahun ini juga. Tetapi bagi jururawat-jururawat pula, mereka tidak dapat mengambil cuti tahunan mereka disebabkan hal-hal yang dinyatakan di bawah ini:

- (1) Disebabkan kekurangan kakitangan di hospital Teluk Anson.
- (2) Disebabkan berbangkitnya wabak penyakit taun dalam bulan Mei tahun ini di Teluk Anson, dan kakitangan-kakitangan tidak dibenarkan mengambil cuti sebagaimana yang telah dirancang.
- (3) Tindakan akan diambil untuk membolehkan semua jururawat membawa kehadiran cuti tahunan atau cuti rehat mereka pada tahun yang berikutnya.

Dr A. Soorian: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan di atas perkara ini, membuat rencana nama pekerja-pekerja di hospital sebagaimana askar-askar ada mempunyai nama mereka di pakaian mereka?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, ya. Tandanama-tandanama untuk dipakai oleh jururawat-jururawat dan kakitangan-kakitangan yang lain di uniform mereka telah dimulakan dengan pelatih-pelatih jururawat dan saya berharap pada masa yang akan datang semua pekerja di hospital akan berada tandanama-tandanama di uniform semua.

Dr A. Soorian: Tuan Yang di Pertua, maksudnya oleh kerana ada orang ramai kadang-kadang membuat komplek atau pengaduan berkenaan dengan orang-orang yang bekerja di tempat-tempat khas dan tidak ada budi bahasa di dalam hospital-hospital. Oleh kerana jikalau ada nama mereka di pakaian, adalah senang hendak dibuat pengaduan. Bolehkah Yang Berhormat menyiasat atas hal ini dan memberi satu penjelasan?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ini tidak bersangkutan-paut dengan soal asal. Soal yang asal berkenaan dengan cuti sahaja.

PERAJURIT-PERAJURIT—BANTUAN MENGEKUBUMIKAN

6. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah rupabentuk pemberian sagu hati yang diberi oleh Kerajaan bagi perbelanjaan mengekubumikan perajurit-perajurit kita sekiranya mayat-mayat mereka itu dibawa balik ke kampung mereka masing-masing.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, pada masa ini Kerajaan memberi bantuan wang tidak melebihi \$150 untuk mengekubumikan perajurit-perajurit yang meninggal dunia sekiranya mayat mereka dibawa balik ke kampung. Kerajaan juga memberi kenderaan percuma untuk membawa balik mayat-mayat mereka.

Tuan Ahmad bin Haji Ithain: Adakah Kementerian ini sedar bahawa dalam masalah pembayaran-pembayaran yang dibuat oleh Kementerian Pertahanan ini kepada pihak perajurit-perajurit yang telah meninggal dunia, masa dalam perkhidmatannya terlalu lewat, jadi sehingga enam bulan ataupun tujuh bulan, sehingga sekarang inipun belum lagi mendapat bayaran-bayaran samada ganjaran dan wang sagu hati. Apakah langkah pihak Kementerian ini supaya dapat menyegerakan pembayaran itu kepada pihak balu dan anak-anak bekas perajurit?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Soal asal bersangkutan dengan pembayaran sagu hati berkenaan dengan mengekubumikan mayat. Ini soalan lain, tidak bersangkutan langsung dengan soal yang asal.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian berpuas hati dan merasa cukup di atas pemberian sebanyak yang pihak Menteri berkata sebentar tadi dan adakah pihak Kementerian mempunyai langkah-langkah untuk menambahkan lagi pemberian yang tersebut itu sebagai memberi sagu hati yang baik dan menggemirakan keluarga-keluarga yang tertembak ataupun terbunuh itu?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ini pun tidak bersangkut-paut dengan soal yang asal.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan perajurit-perajurit kita yang meninggal dunia dibenarkan mayatnya dibawa balik untuk dikebumikan di kampung, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan memberitahu kenapa selalu kedapatan mayat-mayat itu tidak dibenarkan dibuka di dalam kerandanya bahkan ditanamkan dengan begitu sahaja.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, kebiasaannya apabila tiap-tiap satu mayat dibawa balik ke kampung, semua aturcara-aturcara ataupun keperluan yang dibuat mengikut ugama telah disiapkan semua sekali. Apabila sampai di kampung tidak perlu lagi disembahyangkan dan dimandikan sekali lagi. Jadi, kalau hendak dibukakan semua itu, saya rasa, ini susah sedikit, oleh sebab sudah dikapan, sudah siap semua dengan kain putih. Saya rasa, ini tidak menjadi kebiasaannya, tetapi jikalau perlu juga saya rasa ini tidak menjadi hal sebagaimana yang kita kata tidak boleh dibuka, kalau perlu dibukakan. Ini tidaklah begitu berbangkit dan bukan tidak boleh dibuka, jika dikehendaki, boleh dibuka.

PERIMBANGAN PENDAPATAN RAKYAT—MENITEKBERATKAN

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan carmanakah Kerajaan mahu membentuk supaya kaum tani dan nelayan tidak begitu jauh ketinggalan dengan kaum lain dalam bidang ekonomi, pelajaran dan sosial.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua, dasar yang telah diluluskan oleh Kerajaan bagi memajukan ekonomi negara menitikberatkan perimbangan pendapatan antara seluruh kalangan rakyat adalah terkandung di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua yang diasaskan kepada perinsip Rukun Negara dan dengan tujuan-tujuannya mencipta masyarakat adil.

Seluruh Rancangan Malaysia Kedua itu menyediakan infrastructure, seumpama Persatuan-persatuan Peladang, Pertubuhan-pertubuhan Peladang, Persatuan Nelayan, Instituit Pertanian dan lain-lain institusi latihan dan pengajian sehingga keperingkat universiti. Bagi mengadakan susuk pertubuhan bagi mencipta cita-cita tersebut, pelancaran Gerakan pembaharuan Pembangunan Masyarakat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dungun pada 6-8-72 menyeru Pembaharuan semangat dan motivation oleh semua gulungan dan lapisan rakyat untuk menyedarinya dan masing-masing mengambil peranan di dalam rancangan-rancangan yang menyentuh kehidupan, perusahaan, ekonomi, sosial dan kebudayaan dengan berpegang kepada perinsip Rukun Negara.

Nelayan-nelayan dan peladang-peladang adalah digalakkan mempermodenkan cara perusahaan mereka menurut cara-cara seperti yang telah saya huraikan kepada Ahli Yang Berhormat kelmarin.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan memberitahu apakah kejayaan di dalam menjadikan kaum tani dan nelayan bertambah pendapatan mereka kerana setahu saya sehingga ini pendapatan mereka masih belum bertambah?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Pada keseluruhannya, Tuan Yang di Pertua, memanglah Kerajaan belum berpuas hati di atas usaha-usaha yang dijalankan sekarang, akan tetapi Kerajaan tetap akan mengelola dan juga menjalankan apa juga rancangan yang boleh memberikan pendapatan yang tinggi kepada kaum tani dan nelayan ini,

tetapi bagaimanapun kalau Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui dengan lanjut mengenai perkara ini silalah membuat pertanyaan di dalam Dewan yang akan datang. Saya akan memberikan butir-butir lanjut mengenai kejayaan yang telah dicapai di dalam rancangan dua kali setahun di Muda dan juga di Kemubu dan juga usaha-usaha Persatuan Peladang dalam meninggikan taraf hidup petani-petani.

MURID-MURID SEKOLAH KEKURANGAN ZAT

8. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa lebih daripada 10,000 murid-murid di kampung-kampung di rancangan L.K.T.P. (FELDA) di Utara Perak telah kekurangan zat makanan manakala susu dan tepung di setor sekolah itu telah dibiarkan musnah dan kenapa banyak sekolah-sekolah hari ini tidak menyambut pemberian susu panas percuma kepada murid-murid.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, adalah tidak menasabah jika dirangkaikan masalah kekurangan zat makanan murid-murid sekolah dengan susu dan tepung yang telah musnah di dalam setor-setor sekolah.

Ahli Yang Berhormat sendiri harus maklum bahawa masalah kekurangan zat makanan di kalangan murid-murid sekolah di luar bandar adalah satu masalah yang kusut, yang disebabkan oleh beberapa faktor yang berkaitan antara satu dengan lain. Antaranya ialah faktor ekonomi, sosial dan kesihatan seperti masalah-masalah kemiskinan, kejahilan, tabiat makan, jenis makanan, penyakit dan kebersihan sekitar rumah. Pada masa ini Kementerian Pelajaran sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan Perikanan dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di dalam Applied Nutrition Programme, dalam usaha meninggikan zat makanan serta kesihatan murid-murid sekolah. Pada masa ini satu "pilot study" sedang dijalankan di Teluk Datuk, di Selangor dan satu lagi akan dimulakan di Kuala Trengganu. Adalah dicadangkan supaya Programme Applied Nutrition ini dapat diperluaskan di seluruh negeri di Malaysia ini di masa yang akan datang. Adalah dirancang satu Seminar

Kebangsaan mengenai food and nutrition (makan dan pemakanan) akan diadakan tidak lama lagi.

Tuduhan bahawa bahan-bahan makanan itu telah dibiarkan musnah di dalam setor-setor sekolah adalah tidak benar. Siasatan yang dijalankan menunjukkan bahawa sebahagian daripada consignment bahan-bahan makan yang diterima adalah tidak sesuai untuk dimakan. Ini mungkin berlaku kerana bahan-bahan itu memakan masa yang lama untuk sampai ke sekolah-sekolah daripada negeri asal barang-barang itu dikirim. Dalam perjalanan bahan-bahan makanan ini ke sekolah-sekolah mungkin ada sebilangan daripada bahan-bahan makanan itu yang musnah. Bahan-bahan makanan yang tidak sesuai ini tidak dibahagi kepada murid-murid sekolah untuk diguna. Semua bahan makanan yang dalam keadaan baik yang dihantar ke sekolah-sekolah digunakan dengan sertamerta.

Mengenai tuduhan Ahli Yang Berhormat itu bahawa sekolah-sekolah tidak menyambut baik rancangan makanan tambahan ini sejauh yang diketahui perkara ini adalah tidak benar.

Pada masa ini rancangan makanan tambahan dikendalikan oleh Majlis Kebajikan Am, Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan tidak semua sekolah-sekolah terlibat di dalam rancangan ini. Sekolah-sekolah yang mengikuti rancangan makanan tambahan ini adalah dipilih sendiri oleh Badan-badan yang mengendalikan rancangan ini setelah sekolah-sekolah itu dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Badan-badan tersebut. Pada masa ini lebih kurang 100 ribu orang kanak-kanak di dalam kira-kira 500 buah sekolah terlibat di dalam rancangan makanan tambahan ini.

Menurut laporan yang diterima daripada penganjur-penganjur rancangan makanan tambahan ini dan juga dari sekolah-sekolah, sambutan dari kanak-kanak adalah memuaskan.

Dr A. Soorian: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran sedar bahawa murid-murid di dalam sekolah di kampung dan di estet-estet ada mengidap

penyakit cacing. Walaubagaimanapun kalau kita beri kepada mereka zat makanan dia tak boleh menumpukan kepada pelajarannya dan jikalau Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran ada sedar apalah langkah Kerajaan hendak ambil untuk mengatasi masalah murid-murid ini.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, soalnya ialah soalan makanan, tetapi yang ditimbulkan ialah soal cacing.

Tunku Abdullah Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Tuan Yang di Pertua, adakah Kerajaan telah menerima dan jikalau sudah menerima apakah tindakan diambil atas syor daripada Majlis Perundingan Belia Negara untuk menubuhkan satu yaysan persekolahan luar bandar untuk menyelaraskan bukan sahaja kesulitan ataupun perkara makanan tetapi juga termasuk perkara yang lain seperti kenderaan, kesihatan dan lain-lain.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, syor daripada Majlis Perundingan Belia ini telahpun diterima dan sedang dikaji.

KELAS MENENGAH RENDAH— PERPINDAHAN

9. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa Pengarah Pelajaran Perak tidak mematuhi dasar Pelajaran Kerajaan dengan menutup beberapa buah sekolah Menengah Rendah yang mendatangkan kesusahan kepada ibubapa-ibubapa, jika ya, apa tindakan Kerajaan akan ambil untuk membuka semula sekolah-sekolah ini tidak kira samada besar atau kecil.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, tuduhan ini adalah tidak benar. Apa yang sebenarnya berlaku ialah beberapa buah kelas menengah rendah yang menumpang di dua buah sekolah rendah di kawasan Sitiawan telah dipindahkan ke sekolah-sekolah menengah yang berhampiran. Perkara ini disebabkan pada masa yang lampau sekolah-sekolah menengah di daerah ini tidak mencukupi dan murid-murid sekolah menengah telah ditumpangkan di Sekolah-sekolah Rendah Methodist, Ayer Tawar dan Sekolah-sekolah Rendah St. Francis, Sitiawan. Sekarang bilangan sekolah

menengah telah mencukupi dan murid-murid telah dimasukkan ke dalam sekolah-sekolah tersebut.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah-sekolah baru di mana murid-murid yang terlibat itu dipindahkan adalah berhampiran dan tidak mendatangkan kesusahan kepada ibubapa mereka. Lagi pun sekolah-sekolah baru di mana murid-murid itu ditempatkan adalah lebih lengkap dari segi peralatan, kemudahan makmal dan kegiatan-kegiatan luar dari sekolah-sekolah mereka yang lama itu.

KESATUAN SEKERJA— PENGIKTIRAFAN

10. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat samada beliau akan mengemukakan undang-undang mensyaratkan pengiktirafan secara automatik terhadap Kesatuan-kesatuan apabila kedudukan keanggotaannya telah dipastikan oleh Kementeriannya.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, pengiktirafan kesatuan sekerja adalah dilindungi oleh Part III, Akta Perhubungan Perusahaan, 1972. Di bawah undang-undang ini, sebuah kesatuan sekerja yang mahu pengiktirafan dari majikan adalah dikehendaki mengemukakan satu tuntutan secara bertulis terhadap majikan yang berkenaan. Majikan adalah dikehendaki, dalam masa 30 hari, samada memberikan pengiktirafan atau jika pengiktirafan itu ditolak majikan hendaklah menyatakan sebab-sebab penolakan itu.

Sebuah kesatuan sekerja yang pengiktirafannya ditolak bolehlah melaporkan kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan tindakan akan diambil oleh Kementerian saya bagi menentukan kedudukan perwakilan kesatuan pada masa tuntutan itu, di dalam organisasi majikan yang dituntut itu. Jika Menteri berpuashati dengan kedudukan perwakilan kesatuan dan jika langkah rundingan damai Kementerian ini gagal untuk menyelesaikan perkara itu, Menteri adalah mempunyai kuasa di bawah undang-undang untuk membuat perintah pengiktirafan yang mesti diikuti oleh majikan.

Dalam kebanyakan kes-kes di mana Kementerian telah menentukan bahawa bilangan pekerja-pekerja yang mencukupi

adalah mewakili kesatuan sekerja yang berkenaan, majikan tidak teragak-agak lagi memberikan pengiktirafan. Undang-undang yang ada sekarang adalah mencukupi dan berjalan dengan memuaskan di dalam menyelesaikan pengiktirafan kesatuan sekerja oleh kesatuan-kesatuan sekerja dan saya tidaklah berhajat untuk mengadakan undang-undang bagi pengiktirafan secara otomatik.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat ada memberitahu dalam undang-undang kalau seorang majikan tidak iktiraf kesatuan dalam masa 30 hari, kesatuan itu boleh bawa satu laporan kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Bolehkah Yang Berhormat Menteri sendiri menerangkan perkara macam ini dalam 30 hari bila kesatuan hantar laporan kepada Kementerian Buruh berapa lamakah Kementerian tersebut akan mengambil tindakan, adakah satu bulan, 3 bulan atau 6 bulan?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, Kementerian sentiasa mengambil tindakan serta-merta, tetapi untuk menyelesaikan kes-kes tersebut, itu adalah tergantung atas tiap-tiap kes.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Pengiktirafan kesatuan sekerja ini mesti ada berapa peratus pekerja-pekerja, misalnya kalau 100 orang, berapa peratus, adakah 50% ataupun 60% yang boleh diiktifakan sebagai kesatuan sekerja.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, biasanya lebih daripada 50%.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan sedar hampir 10 laporan ditunggu dalam Kementerian Buruh atas 30 hari yang telah diberi laporan kepada Kementerian tersebut, kenapakah tidak diambil tindakan?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, soal ini cukup am (general), saya tidak dapat menjawabnya.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, ini berkenaan dengan kesatuan sekerja sampai sekarang hampir 10 perkara yang seperti ini kita tunggu hampir 6 bulan, tetapi tindakan belum diambil di atas perkara ini dan

perintah belum diberi kepada majikan bagi mengiktiraf kesatuan-kesatuan—ada juga disiasat, tetapi belum diberi perintah kepada majikan.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Apa soalnya? Ahli Yang Berhormat membuat statement mengatakan ada 10 kes begitu begini. Apakah pertanyaan Ahli Yang Berhormat kepada Yang Berhormat Menteri mengenai soalan tambahannya?

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, saya hendak tahu, kenapa lambat disiasat atas perkara ini dan belum diambil tindakan ataupun barangkali tidak cukup pegawai-pegawai dalam Kementerian Buruh, tolonglah beri jawapan.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat telah mengakui bahawa Kementerian saya sudah mengambil tindakan atas perkara itu.

Dr Tan Chee Khoo: Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar di dalam beberapa kilang apabila pekerja-pekerja tersebut hendak menubuhkan kesatuan, maka ada beberapa orang pekerja-pekerja tersebut yang telah dibuang kerja atau dalam bahasa Inggeris divictimisekan. Jika beliau sedar, apakah tindakan Kementerian Buruh telah mengambil atau akan mengambil supaya pekerja-pekerja tersebut jangan dibuang kerja?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya ingin menjawab soalan itu, tetapi soalan itu adalah soalan lain.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ya, soalan lain Ahli Yang Berhormat.

PERLAKSANAAN TANGGA-GAJI AZIZ—KELAMBATAN

11. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru yang masih belum dibayar gaji mengikut perubahan tangga-gaji baru sehingga bulan November 1972 dan sebab-sebab kelambatan ini oleh kerana tangga-gaji baru telah disiapkan dalam bulan Januari, 1972.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, sehingga bulan November, 1972, hanya kira-kira 750 orang lagi guru-guru

yang belum dibayar gaji bersih mereka. Jika dibandingkan dengan jumlah guru yang terlibat dalam pelaksanaan tangga-gaji Aziz, iaitu lebih-kurang 61,000 orang, maka jumlah ini adalah kecil.

Kelambatan ini adalah disebabkan oleh pertukaran guru-guru di antara negeri dan masalah-masalah perseorangan yang telah timbul di dalam pengiraan tangga-gaji baharu itu.

Kementerian Pelajaran berharap akan dapat menyelesaikan baki ini sebelum akhir tahun ini.

SUKATAN PELAJARAN—KERJA MENCETAK

12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada kerja-kerja mencetak sukatan-sukatan pelajaran, risalah-risalah peperiksaan dan kad-kad lapuran sekolah dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, jika ya, berapa kebolehan pengeluaran tahunan Dewan dalam proses ini.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka mengusahakan kerja-kerja mencetak sukatan-sukatan pelajaran dan risalah-risalah peperiksaan tetapi tidak kad-kad lapuran sekolah.

Kebolehan pengeluaran tahunan Dewan mencetak sukatan-sukatan pelajaran ialah 370,000 naskhah dan risalah-risalah peperiksaan 150,000 naskhah.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah sukatan pelajaran ini, adakah Kementerian sedar bahawa sukatan pelajaran yang ada sekarang ini lapuk, tidak sesuai dalam zaman pembangunan ini. Adakah Kementerian bercadang hendak mengkaji semula supaya diadakan sukatan pelajaran yang bermutu?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Tidak bersangkut langsung. Ini bersabit dengan cetakan sukatan pelajaran, bukan masalah sukatan pelajaran. Itu soalan lain.

PADANG PERMAINAN SEKOLAH—PEMBINAAN

13. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Padang Permainan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di Lukut akan dibina.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya belum ada menerima sebarang permohonan untuk pembinaan sebuah padang permainan bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kampung Lukut. Jika ada permohonan Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Dr A. Soorian: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Barangkali saya silap, tetapi pada bulan yang lalu saya ada melawat kawasan Lukut dan cikgu di sana telah memberitahu kepada saya bahawa dia ada menghantar sepucuk memorandum kepada Kementerian Pelajaran untuk membina sebuah "playing field" di Lukut. Adakah Menteri sedar atas perkara ini?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, mengikut jawapan saya tadi Kementerian belum lagi menerima permohonannya, maka perkara ini boleh jadi sudah dihantarkan ke Pejabat Pelajaran Negri Sembilan.

Dr A. Soorian: Barangkali memorandum itu sudah hilang dalam pos. Walau bagaimanapun jikalau memorandum yang lain ada sampai ke Pejabat Pelajaran, bolehkah Setiausaha Parlimen memberi jaminan berapa lama penduduk di sana mahu menunggu untuk membina "playing field" itu?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya belum ada permohonan, kita akan timbangkan dengan sewajarnya.

PERKHIDMATAN PERUNDING TEMURAMAH (COUNSELLING)

14. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar tentang perkembangan yang diperlukan bagi menasihati pelajar-pelajar untuk mengatasi masalah jenerasi muda di bawah tekanan "sosiosaikoloji" yang kuat di dalam peralihan masyarakat yang cepat ini.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya adalah sedar akan kehendak-kehendak penuntut untuk mendapat perkhidmatan perunding temuramah (counselling), bagi menghadapi bermacam-macam masalah sosio-saikoloji. Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk membantu penuntut-penuntut untuk mengatasi masalah-masalah seperti itu.

Di antara tahun 1969-72 Kementerian saya telahpun mengadakan latihan untuk 1,280 orang kakitangan-kakitangan panduan pelajaran di Malaysia Barat dan 160 orang kakitangan panduan pelajaran di Malaysia Timur. Latihan seperti ini akan terus dijalankan oleh Kementerian saya. Disamping itu, hingga kemas kini 7 orang Pengelola Daerah Panduan Pelajaran telah juga dilantik bagi Malaysia Barat dan 2 orang lagi akan dilantik dalam tahun 1973 untuk menyelia perkhidmatan-perkhidmatan perunding temuramah pada peringkat sekolah menengah di Malaysia Barat.

Perkhidmatan perunding temuramah diadakan pada peringkat sekolah menengah bertujuan menolong penuntut-penuntut menyelesaikan masalah-masalah mereka dalam hal-hal seperti berikut:

- (a) kait-pertalian di antara perseorangan (interpersonal relationship)
- (b) masalah-masalah emosi (emotional problems)
- (c) pemilihan pekerjaan (choice of careers)
- (d) nilai-nilai, sikap-sikap dan tujuan-tujuan hidup (values, attitudes and life goals).

PENERBANGAN MAS YANG DIBATALKAN—SENARAI

15. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan memberi senarai penerbangan-penerbangan yang dibatalkan dan penerbangan-penerbangan yang tergendala sejak MAS mula bergerak.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya sudah jawab soalan ini, tetapi berkenaan dengan cancellation ada terdapat 7-8 kali oleh kerana cuaca kurang baik, jadi kapal terbang tidak boleh terbang, maka penerbangan itu dicancelled.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu sebab rundingan-rundingan dengan British mengenai flight di Hong Kong dibatalkan atau gagal?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya sudah terangkan tadi cancellation pada bulan yang pertama itu ada tujuh atau lapan oleh sebab cuaca termasuklah penerbangan kalau pergi ke Hong Kong dari Bangkok di Hong Kong lagi hebat kerana di sana ada taifun, Typhoon Sally dan sebagainya.

Dr Chen Man Hin: Saya minta maaf oleh kerana pertanyaan saya tadi tidak berapa terang mengenai rundingan dengan British berkenaan dengan flight sampai ke Brunei yang telah gagal, adakah apa-apa keputusan berkenaan dengan flight di Hong Kong pada masa yang akan datang?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ini soalan baharu, Yang Berhormat, tidak bersangkutan-paut dengan cancellation. Saya tidak benarkan, kerana soalan itu telah dijawab.

TANGGUNGJAWAB MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS

16. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan apakah tugas-tugas dan tanggungjawab yang sebenarnya bagi Menteri Tugas-tugas Khas berhubung dengan kampung-kampung baru.

Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di Pertua, pada mesyuarat Dewan Rakyat dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab soalan ini, tetapi tidak mengapa, saya akan menjawab sekali lagi.

Tanggungjawab saya ialah Penyelarasan Kemajuan Kampung-kampung Baharu.

RANCANGAN RAKSAKSA KAMPUNG-KAMPUNG BARU

17. Tuan Chan Fu King (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau ada sebarang Rancangan Raksaksa untuk kemajuan kampung-kampung baru.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di Pertua, Rancangan Malaysia Kedua adalah satu Rancangan yang meliputi semua aspek pembangunan. Ianya merupakan Rancangan Induk dan di bawah rancangan inilah segala rancangan pembangunan dilaksanakan. Oleh itu soalan berhubung Rancangan Raksaksa yang berasingan untuk kemajuan kampung-kampung baru tidak berbangkit.

Dr A. Soorian: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan ini berapa wang peruntukan Kerajaan beri untuk pembangunan kampung-kampung baru di dalam Rancangan Malaysia Kedua?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Pertanyaannya, berapa wang Kerajaan peruntukkan untuk rancangan dalam kampung-kampung baru.

Dr Lim Keng Yaik: Dalam Budget tahun ini?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Itu Yang Berhormat Menteri boleh menjawabnya.

Dr Lim Keng Yaik: Dalam Rancangan Malaysia Kedua tidak ada khas satu budget untuk kampung-kampung baru, tetapi dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ada banyak rancangan-rancangan untuk faedah kampung-kampung baru.

Tuan Hor Cheok Foon: Tuan Yang di Pertua, jawapan dari Menteri yang berkenaan tidak ada wang untuk Kementerian dia. Kalau tidak ada wang atau fund, bagaimana boleh menjalankan tugas-tugasnya?

Dr Lim Keng Yaik: Kerja saya, telah saya terangkan; iaitu penyelarasan kemajuan dalam kampung-kampung baru, tetapi dalam Rancangan Malaysia Kedua ada banyak rancangan. Dalam rancangan ini kita boleh buat faedah untuk kampung-kampung baru.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan Rancangan Raksaksa, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, adakah termasuk tanah untuk tiap-tiap kampung baru?

Dr Lim Keng Yaik: Tanah ini soal lain; kerana soal ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, ini bukan soal lain. Ini berkenaan dengan Rancangan Raksaksa (Giant Programme).

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Menteri sudah jawab tadi.

Dr Tan Chee Khoo: Di dalam siasatan yang dibuat oleh Menteri Tugas-tugas Khas, adakah beliau sedar masalah yang paling penting terhadap penduduk-penduduk kampung-kampung baru ialah kekurangan tanah. Jika beliau sedar, apakah tindakan beliau akan ambil supaya penduduk-penduduk di kampung-kampung baru boleh mengatasi masalah ini.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di Pertua, bukan penduduk-penduduk dalam kampung baru saja short of land, orang-orang di dalam luar bandar pun ada short of land. Saya ada melawat dalam semua Negeri, saya minta dan encourage semua Kerajaan Negeri membuka tanah untuk penduduk-penduduk di luar bandar (*Tepuk*).

KECICIRAN MURID-MURID— LAPURAN

18. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil-hasil dari penyiasatan Kementerian beliau berkenaan dengan sebab-sebab keciciran murid-murid yang begitu ramai dari sekolah-sekolah, dan nyatakan apakah langkah-langkah pembaikan yang sedang diambil untuk mengurangkan kadar keciciran murid-murid sekolah yang tinggi itu.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, hasil sepenuh mengenai kajian keciciran ini belum lagi siap. Segala langkah sedang diambil bagi mempercepatkan kerja-kerja itu supaya lapuran yang lengkap dapat disiapkan.

Sepertimana yang telah saya katakan di dalam persidangan Dewan ini yang lepas, langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah keciciran ini akan berdasarkan kepada hasil penyiasatan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, untuk sementara waktu pegawai-pegawai kanan Kementerian saya termasuk pegawai-pegawai pelajaran negeri telah mengambil tindakan yang sesuai

untuk mengurangkan keciciran ini. Antaranya ialah mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan ibu-ibu bapa dan menasihatkan mereka supaya memberi perhatian yang lebih kepada pelajaran anak-anak mereka itu.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul)

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (11hb Disember, 1972).

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

(Usul)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang di-

tangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,487,522,103 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1973, dan bagi maksud Kepala dan Pecahan-pecahan Kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1973 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 58 tahun 1972, adalah diuntukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang bertentangan dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 atau 7 senarai tersebut; dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 23hb Ogos, 1972, mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan-wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1973 adalah dibatalkan (11hb Disember, 1972).

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Batu semalam telah membuat ucapannya. Saya telah berjanji hendak membenarkan Ahli Yang Berhormat menyambungkan ucapannya pada hari ini, lebih kurang 15 minit.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di Pertua, izinkan saya menyambungkan ucapan saya dan saya akan bercakap dalam Bahasa Malaysia dan mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua, apabila mesyuarat ini ditangguhkan kelmarin, saya telah menyentuh tentang petani-petani di tanahair kita. Saya hendak menyatakan iaitu kelmarin juga Timbalan Menteri Pertanian menyatakan tentang masaalah absentee landlordism ialah bukan masaalah yang penting atau besar. Saya tidak bersetuju dengan pandangannya itu, oleh sebab pada pendapat saya, ada beberapa ratusan atau ribu petani-petani di tanahair kita yang menggunakan tanah yang mereka tidak mempunyainya. Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, ramai kaum petani atau petani-petani di tanahair kita hendak memajukan, Kerajaan Pusat perlu dan terpaksa mengambil tindakan yang tegas untuk menghapuskan absentee

landlordism dan memberikan tanah kepada mereka kaum petani supaya petani-petani boleh meninggikan taraf kehidupan mereka.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di Pertua, so long as the Alliance party is in power, that long will padi farmers in this country remain in the clutches of the absentee Alliance landlords and there can be no real improvement in their standard of living.

Tuan Yang di Pertua, saya hendak sentuh sedikit ucapan Menteri Kewangan, muka surat 17 dan dengan ini Tuan saya hendak baca sedikit:

"The net effect of this operation is that we have lost less than we would have done had the Agreement been operative, . . ."

Tuan Yang di Pertua, ini berhubung dengan penilaian matawang paun sterling. Pada bulan Ogos yang lalu apabila rakan saya wakil dari Dato Kramat dan saya sendiri membangkitkan perkara ini di dalam Dewan ini, Menteri Kewangan menyatakan negeri ini tidak rugi atau kehilangan wang, tetapi di dalam ucapan Belanjawannya Menteri Kewangan sendiri mengakui bahawa Kerajaan telah kehilangan wang atas turunya nilai wang paun sterling.

Tuan Yang di Pertua, sebenarnya Menteri Kewangan ada mempunyai beberapa orang pakar di dalam masalah kewangan dan dalam bidang ekonomi dan beliau juga adalah seorang pakar di dalam bidang ekonomi dan kewangan atau finance. Kami semua dihadapannya ini dianggap sebagai orang-orang bodoh yang tidak mahir dalam bidang ekonomi. Saya tidak dilatih dalam bidang ekonomi, saya cuma seorang tukang ubat sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Doktor.

Dr Tan Chee Khoon: Doktor atau tukang ubat. Tetapi dari semasa ke semasa, I used to sit at the feet of people who are well versed in economics. In the field of economics, one does not need to be a pakar, one only needs to think straight and I can assure the Honourable Minister of Finance that we on this side of the House can think straight. We do not claim to be experts in matters of finance and economics. The Minister assured us in this House that there would be no loss over the devaluation of the pound. Today we know—he has admitted—and perhaps in a year or two, he would tell

us exactly how much has been lost over this transaction. That much for the pontification of the Minister of Finance.

Tuan Yang di Pertua, dari semasa ke semasa Menteri Kewangan menyatakan mengapa pihak kami sangat khuatir jika tiap-tiap tahun hampir-hampir \$500 juta wang Malaysia telah keluar dari negeri ini sebagai dividend. Tuan Yang di Pertua, beliau menyatakan jika wang masuk melebihi daripada wang yang keluar, kami jangan khuatir dan bimbang. Tetapi di dalam Economic Report ini, di muka surat 88 Tuan Yang di Pertua, balance of payment—pada tahun 1971 there is a deficit balance of payment of \$112 million and this year, Mr Speaker, Sir, the balance of payment is expected to be in the region of minus \$600 million. The assurance given by the Honourable Minister is not worth because in this instance, we see how big the gap is as between the money that comes in and the money that goes out, and \$600 million, Mr Speaker, Sir, is nothing to be laughed at. I would hope that the Minister of Finance would be a little more careful in what he tells us in this House.

Mr. Speaker, Sir the Government, I would say, has deliberately juggled with the statistics in the Second Malaysia Plan in order to play down the extent of unemployment in this country. Thus at the start of the Plan the unemployment rate was 7.3% and it is expected to be maintained at this level at the end of 1975. But now the Minister of Finance himself admits that it is slightly below 8% of the labour force in 1972.

The Economic Report 1972-73 says that unemployment remains one of the most serious social problems in this country. The Labour Force Sample Survey of West Malaysia shows that the West Malaysian urban unemployment is 10.2% and the rural unemployment is about 6%. As the Member for Kuala Selangor has already pointed out, this is a very serious matter in the rural areas as I shall presently show. Let me say that the rural unemployment of 6% does not take into account the under-employment and that is very prevalent and this is a very serious problem in the rural areas. If added to this, you have on the East Coast inshore fishermen who can only go out to sea for only 8 months in the year, then one can see how serious the problems are in the rural areas particularly

among the fishermen on the East Coast. This is why the rural workers are flocking to the towns—not to enjoy the bright lights of the towns but to look for jobs that they desperately need.

While we are on the subject of unemployment, let me comment on the statement by the Minister that the fishermen in Trengganu have an income in the region of only about \$60 per month. This has led the Member for Besut to say that the fishermen on the East Coast, particularly in Besut do not “Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang” tetapi mereka “Kais pagi dan kais petang makan petang”. Maknanya walaupun mereka bekerja siang malam, mereka cuma ada satu makanan sahaja. Mr Speaker, Sir, this is a terrible indictment on the Alliance Government which after 17 years of rule has not at all improved the livelihood of the fishermen in this country.

For the first time, the Government is admitting officially that labour is migrating to Singapore. Thus, paragraph 87, page 32 of the Economic Report 1972-73 has this to say, and I quote “Labour is migrating to Singapore, mainly to work in construction and industrial jobs” It is estimated that this figure may well be in the region of 80,000 or more and more are going there almost everyday in search of jobs and better paid jobs. If there is no outlet for these youths, the unemployment problem in this country would be far more serious than it is now. I shudder to think if the Singapore Government now says, “All foreigners who are in Singapore as workmen should now go home to their countries of origin” and we have 80,000 young people depending on that country looking for jobs. I wonder what the Minister of Finance and his colleague the Minister of Labour would say if this influx of Malaysians is forced out of Singapore.

Mr Speaker, Sir, in the face of this mounting unemployment in this country, the Minister of Finance had the affrontry to say at the Ulu Selangor by-election early this year that the Alliance Government is well on the way to breaking the back of the unemployment problem. He stated that last year 112,000 new names were added to the E.P.F. register and that this meant that 112,000 jobs were created last year. As the Second Malaysia Plan envisaged the creation of only 119,000 jobs per year, this meant that

even in the second year of the Plan, the Government was well on the way to meeting the targets of the Second Malaysia Plan at least where employment was concerned. This claim was repeated in this House by his colleague the Minister of Labour and Manpower, who should know better—or does he? These Ministers, when challenged by my colleague the Member for Dato Kramat and I in this House during its meeting in August this year, repeated their claim that 112,000 jobs were created last year.

Now we know that in late 1970 because of the new E.P.F. laws new categories of workers were roped in during 1971 under the E.P.F. Ordinance.

These were:

- (1) Any employer with 5 workers or less had to register his workers with the E.P.F. where before he did not have to do so.
- (2) Any employee earning more than \$500 per month had to contribute to the E.P.F. where before he did not have to do so.
- (3) The extension of the Ordinance to East Malaysia.
- (4) Absorption by the E.P.F. of small provident funds.
- (5) Then there are, I gather, lots of duplicate accounts being opened up all the time.

All these have led to a spurt in the registration of workers with the E.P.F. and not because of the creation of new jobs in 1971. At best about 80,000 or 90,000 new jobs were created.

I am informed that the Minister of Finance and his Cabinet colleagues had been advised not to use the figure of 112,000 jobs being created in 1971, but he had stubbornly persisted in doing so especially during the Ulu Selangor by-election. If the Minister did not deliberately lie to the nation, he was certainly misguided in doing so and merely to win a by-election. In other countries Ministers have resigned over such a revelation. I have tabled a question on this matter during this session of the House for oral answer and I shall reserve further comments on this important issue until my question for oral answers comes up.

I shall end my comments on this important problem of unemployment with a plea to the Government not to juggle with the statistics of unemployment merely to present a rosy picture to this House and to this country when the stakes are too high for us to do so. After all, whom are the Government trying to kid? And in any case we on this side of the House are not so dumb to be fooled all the time. Abraham Lincoln in a speech at Clinton on 8th September, 1858, had this to say, and I quote:

“You can fool all the people some of the time, and some of the people all of the time, but you cannot fool all of the people all of the time”.

Mr Speaker, Sir, I commend this thought to the Ministerial benches.

Mr Speaker, Sir, it is incomprehensible that while there is so much unemployment, I gather that in quite a number of Government Departments there are jobs, particularly in the higher grades, which are not filled. Now, if there are vacancies in the former M.C.S. or in the Legal Service, where there is a quota, I can understand—perhaps I will not accept it because there are other ways of tackling such a problem. But in the other categories of jobs, I do not understand why the vacancies are not filled and I do hope the Minister of Finance or one of his colleagues will answer why many jobs in Government Service are not filled. The taxpayers and the people of this country are entitled to know why.

Mr Speaker, Sir, in this House, for years on end I have urged the Minister of Finance to increase the duty on cigars, cigarettes and liquors and my proposals year in and year out have been rejected out of hand by the Minister of Finance. He had stated that it would be counter-productive while I had maintained that the chain smoker and the hardened drinker would have his smoke and his whisky whatever the duty that the Minister might impose on smokes and liquor. Now I am glad that he agrees with me and he has added duties on liquors and smoke. But I am mystified why he has not raised the gaming tax which is likely to exceed the budget estimates by 25%. I call on the Minister to increase this tax and if he does so I venture to predict that he will still find that the revenue from this source will exceed his expectation.

Mr Speaker, Sir, I welcome the proposal to reduce the tax on public entertainers to 15% of gross earnings. I am not thinking of the night club entertainers who perhaps may well entertain the Alliance tycoons, but this tax is of vital importance to the Football Association of Malaysia and other sporting associations. Now that they can invite top teams to come to this country, I am sure that the quality of sports in this country will improve.

In my younger days I used to be a good boxing fan but because of the crippling tax on boxing, professional boxing as a sport has vanished from this country. On behalf of all sports lovers of this country, I wish to thank the Minister of Finance for this tax relief for sports lovers in this country.

Mr Speaker, Sir, the Minister has afforded relief to the beer and stout drinkers, but unfortunately bottled toddy has been left out. Worse still, bottled toddy has been grouped under the category of luxury goods and has attracted an extra 5% sales tax. I gather that there was one firm bottling toddy known as Hutang Melintang Sdn. Bhd., with a capital of about one million dollars I think, in Perak, which has gone out of existence because of the crippling tax of \$1.80 per gallon on toddy. The other firm Soora Industrial Co-operative Society was formed in February, 1971 and it has been losing money every month ever since it started production.

This firm has written two letters to the Minister of Finance and has seen some of the Treasury tax officials but to no avail. On top of that, they now have to pay an extra 5% sales tax. If nothing is done to this fledgling industry, it surely will be killed. Mr Speaker, Sir, I want to make it very clear that I have no stake in this firm. I am a non-drinker and that includes toddy.

Mr Speaker, Sir, some of the Minister's taxes, e.g. the orange squeeze, the taxes on household goods like gas stoves, fluorescent lamp tubes, etc. have naturally sent up a howl of anguish amongst the housewives in this country. I do hope that the Minister will reconsider this matter and afford some relief at least for the housewives in this country from the heavy burden of indirect taxation. His withdrawal of the world income scope

tax, the tax on interests derived by non-residents, show what tender loving care the Minister has constantly lavished on the "haves" in this country.

Mr Speaker, Sir, I entirely support the new taxes on luxury goods. If ladies want to paint their faces, eyebrows and lips and use rouges, creams and powders merely to enhance their beauty, then they must be prepared to pay more for such luxury.

I also support the Minister's lowering of the development tax to help small businessmen, particularly the small bumiputra companies. Before I leave the subject of the Minister's speech, may I commend him on his accent on growth.

Tuan Yang di Pertua: How long are you going to be ?

Dr Tan Chee Khoon: Another five minutes or so. Let us hope that this message will spread to his Ministerial colleagues.

Mr Speaker, Sir, I am not concerned whether the Minister with Special Functions with special duties for new villages—who is not here now—is an office-boy running errands for his Master, the Prime Minister, but I must admit that the idea of any Minister being not responsible to this House is one that has taken us aback—at least those of us sitting on this side of the Opposition benches.

I have searched the estimate for next year carefully and I do not see any allocation for the Minister with Special Functions. So much for the high hopes and great expectations that were generated when the Minister with Special Functions was appointed.

I do not want to rub it in hard but I wonder if the Prime Minister is aware that the Minister with Special Functions has been touring the whole country telling the new villagers that he would do this and he would do that to raise their standard of living. All the time they did not know that he was but running errands for his master, the Prime Minister.

But the fact that the Minister with Special Functions has no Ministry of his own and that he has no allocation of his own to spend on the new villages must not be allowed to cloud the issue that the new villagers form

a large chunk of the "have-nots" of this country. The majority of them are Chinese but there are some Malay new villagers, especially on the East Coast, and there is a springling of Indian new villagers as well.

Most of the new villagers are in dire need of land, jobs, essential facilities like roads, electricity, drains, water, playing fields, etc., and they deserve to have them. But what is in store for them?

We are told that in next year's estimates there will be about \$10 million for them to be spent through two Ministries, namely, the Ministry of National and Rural Development and the Ministry of Technology, Research and Local Government. This is a pitiful allocation when one compares it with the big cheque of \$375 million in order to raise the standard of living of the "have-nots" amongst the bumiputras.

Mr Speaker, Sir, I also call on the Minister of Finance to put a stop to this farce of giving only \$10 million for the 750,000 new villagers in this country. If the Government were to resettle some of the squatters who live at Jinjang South in my constituency it would cost anything in the region of \$1 million. How far then will \$10 million go?

If the Alliance Government is really sincere in helping the "have-nots" in the new villages, I call on it to allocate \$50 million in order to bring new life to the 750,000 new villagers who are scattered up and down the country.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, Menteri Kewangan mempunyai suatu alat yang penting dan kuat dalam tangannya untuk menghapuskan kemiskinan, untuk menyusun masyarakat semula dan untuk membaharui masyarakat juga. Jika Menteri Kewangan berbuat demikian, insha Allah kita akan mengujudkan masyarakat yang makmur dan adil.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di Pertua, saya suka mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas kejayaannya membentangkan cadangan-cadangan cukai tanpa menimbulkan bantahan yang hebat dikalangan rakyat. Ini ialah suatu belanjawan yang istimewa, terutamanya ianya dibentangkan dalam

masa perbelanjaan negara semakin bertambah dan pendapatan negara daripada hasil getah tidak begitu lumayan.

Kalau cadangan-cadangan cukai ini dibuat oleh seorang Menteri Kewangan yang baru dilantik, maka sudah tentu saya akan merasa curiga, saya bimbang nanti hasil negara tidak akan mencukupi bagi membiayai perbelanjaan pembangunan dalam Dasar Ekonomi Baru kita itu. Tetapi cadangan-cadangan cukai ini datangnya dari seorang Menteri yang terkenal dengan kemahiran dan kebijaksanaannya setelah 13 tahun menjadi Menteri Kewangan, dan saya percaya kalau pun tidak semua rakyat Malaysia yang merasa lapang dadanya sekurang-kurangnya orang-orang yang tidak merokok, yang tidak minum minuman keras dan yang tidak menjadi kebiasaan makan buah apple dan anggur dengan gembiranya menyambut cadangan-cadangan cukai ini. Bagi muda-mudi kita yang bercadang atau baru sahaja mendirikan rumah-tangganya saya bersimpati dengan mereka. Kenaikan harga barang-barang yang mereka idamkan seperti dapur gas, strika letrik, periok letrik, kamera dan mungkin ada beberapa orang berkehendakkan atau memerlukan projector mungkin mengeciwakan mereka daripada cadangan-cadangan cukai ini. Begitu juga orang-orang yang baru sahaja mampu hendak membeli barang-barang ini sekarang terpaksa menangguhkan pembelian mereka.

Kenaikan cukai yang dikenakan biasanya terkena kebanyakannya kepada pengguna-pengguna atau consumers. Kerajaan, pada pendapat saya hendaklah kurang bergantung ke atas cukai-cukai yang tidak secara langsung (indirect taxation) yang bertentangan, pada pendapat saya, indirect taxation ini bertentangan dengan prinsip equity dan juga pembahagian semula atau redistribution. Kerajaan hendaklah menitik-beratkan atas cukai-cukai secara langsung atau direct taxation.

Tuan Yang di Pertua, kenaikan kadar inflation kita dalam negeri ini hendaklah diperhatikan dengan sungguh-sungguh dan Kerajaan hendaklah berusaha dengan segala daya-upaya yang ada padanya untuk mengurangkan bahaya inflation dalam negeri ini. Inflation akan menyebabkan usaha menseimbangan antara kaum akan menjadi lebih sukar lagi oleh kerana dalam keadaan yang

seumpama itu maka peniaga yang besar-besarnya akan menuaikan segala keuntungan yang banyak.

Sistem cukai kita ini boleh dikatakan kebelakangan atau regressive dan keseluruhan bentuk atau structure cukai kita memerlukan penyusunan semula. Tidak ada cara atau idea-idea baru yang dikemukakan dan tiap-tiap tahun corak atau polar atau pattern kenaikan cukai itu ditanggungkan ke atas pengguna-pengguna kebanyakannya. Begitu juga kenaikan perbelanjaan tahunan kita terlalu tinggi dan pesat kenaikannya tiap-tiap tahun dan jika ini dibiarkan dan berlaku sepanjang masa atau tiap-tiap tahun Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan Budgetnya di Dewan ini, maka ini saya bimbang akan menimbulkan keadaan inflasi dalam negeri ini dengan lebih cepat lagi dan Kerajaan, pada pendapat saya, hendaklah berhemat di dalam meluluskan perbelanjaan-perbelanjaan daripada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan kebimbangan Kerajaan yang utama berkaitan dengan pengeluaran beras yang berlebihan daripada yang diperlukan dalam negeri ini. Oleh itu, kata beliau, mustahaklah bagi Kerajaan mengambil langkah-langkah supaya kita tidak mengeluarkan lebih daripada 90% daripada jumlah keperluan negara.

Sekiranya berlebih Kerajaan terpaksa mengexportkan apa-apa yang berlebihan itu dan ini akan merugikan oleh kerana harga minima terjamin kita \$16 sepikul padi yang kering dan bersih itu adalah bersamaan \$437 satu tan beras manakala harga dipasaran dunia sekarang ini adalah \$360 pada satu tan beras. Beberapa bulan yang lepas harga beras dipasaran dunia lebih murah lagi. Ini bermakna kita akan rugi besar sekiranya kita menjual beras kita dipasaran dunia.

Harga padi kita yang mahal ini ialah kerana taraf hidup kita yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara lain di Asia ini. Harga minima terjamin atau GNP ialah \$16.00 sepikul padi yang bersih dan kering, bertanding dengan \$12.00 di negara-negara yang sedang membangun, tetapi Kerajaan, Tuan Yang di Pertua, janganlah terlalu

khuatir dalam hal ini. Petani-petani kita masih miskin dan GNP \$16.00 itu tidak naik semenjak dua belas tahun yang lalu, semenjak barang-barang lain yang dibeli oleh petani-petani telah naik melambung di antara 50% kepada 100%. Sehingga guni beras pun telah naik 100%, dengan terdirinya kilang guni di bawah taraf perintis. Walhalnya hampir tidak ada apapun barang keluaran industry Malaysia yang lebih murah daripada harga pasaran dunia.

Saya fikir tidak begitu patut kita membandingkan hanya harga beras kita dengan harga pasaran dunia. Kalau kita mahu bandingkan dengan harga pasaran dunia, maka semua jenis harga pengeluaran industry kita patut dikaji sama. Beratus-ratus jenis barang dikeluarkan di kilang yang mempunyai taraf perintis adalah mahal harganya dan lebih mahal daripada harga pasaran dunia. Di sini bukan sahaja Kerajaan tidak dapat hasil cukai daripada mereka kerana di bawah taraf perintis, mereka dikesualikan daripada cukai dan berbagai-bagai kemudahan-kemudahan yang lain, bahkan rakyat terpaksa membayar dengan harga yang mahal daripada harga di pasaran dunia kiranya barang-barang itu dibenarkan masuk daripada luar negeri.

Bagaimanapun, Tuan Yang di Pertua, amaran Yang Berhormat Menteri Kewangan ini hendaklah diamati dan diambil perhatian berat, tetapi masalah pengeluaran padi bukan perkara baharu. Empat tahun dahulu pun amaran seperti ini telah didengari.

Pada fikiran saya ini bukan masalah petani dan bukan hanya masalah sektor pertanian pada keseluruhannya, bahkan ini adalah masalah planning dalam sektor pertanian.

Rancangan-rancangan dalam sektor pertanian ada termasuk dalam Rancangan Malaysia Kedua. Ini adalah rancangan-rancangan sahaja, tetapi bukannya agricultural planning dalam ertikata planning. Rancangan Malaysia Yang Kedua hanya memberi rancangan-rancangan dalam sektor pertanian dengan tiada planning dan strategy jika dibandingkan dengan planning dan strategy yang diberi kepada sektor industry. Saya hanya membandingkan bagaimana planning di dalam sektor, di dalam

bidang perindustrian, tetapi tidak adanya planning yang seumpama itu di dalam sektor pertanian.

Sektor pertanian adalah ditugaskan untuk membuka tanah, menanam dan bila hasilnya didapati, digunakan dalam negeri atau diekspotkan. Bila timbul masalah dalam mana-mana hasil penanaman tidak dapat pasaran, kita menubuhkan Jawatankuasa, tidak cukup Jawatankuasa tubuhkan task force, tak cukup task force tubuhkan perbadanan; satu demi satu. Minggu ini masalah tembakau telah timbul mengikut dalam akhbar-akhbar. Saya percaya satu Jawatankuasa akan ditubuhkan bagi menyiasatnya. Beberapa bulan dahulu masalah kelapa. Tidak lama lagi akan timbul masalah tebu dan gula keluaran Malaysia pula. Manakala masalah nenas masih belum selesai.

Saya bukan hendak mengecil-ngecilkan usaha-usaha dan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Perikanan—jauh sekali daripada maksud saya—kerana saya menghormati usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Perikanan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua itu.

Apa yang saya benar-benar maksudkan, Tuan Yang di Pertua, ialah bahawa sektor pertanian tidak mempunyai strategy pembangunan yang seimbang dengan sektor perindustrian. Dalam sektor industry umpamanya C.I.C. (Capital Investment Committee) semenjak tahun 1969 memimpin dan menggalakkan perkembangan industry dan pada hari ini hampir-hampir semua, kalau pun tidak semua, barang-barang industry dari luar negeri dikenakan cukai impot. Ada kalanya cukai impot dikenakan sebelum kilang-kilang terdiri dalam negeri untuk mengeluarkan barang-barang impot gantian itu atau kilang-kilang yang ada itu tidak mengeluarkan dengan secukupnya keperluan negara ini, akan tetapi di dalam sektor pertanian strategy seperti ini tidak ada, beratus juta masih lagi diimpot. Umpamanya susu, daging, jagung, seko, (sorghum) makanan haiwan dan sehingga jerami membuat guni beras pun diimpot dengan dikenakan cukai yang murah atau tidak bercukai langsung diberi taraf perintis, tetapi dijual lebih mahal 100% dalam negeri ini.

Kalau sektor pertanian ada mempunyai rancangan atau planning dan strategy yang sungguh-sungguh seperti di dalam sektor perindustrian, barang-barang pertanian yang berharga beratus-ratus juta ini boleh dikeluarkan di negara kita sendiri.

Rancangan atau planning juga dapat menentukan bukan sahaja corak tanaman bahkan juga luas, besarnya tiap-tiap jenis tanaman itu perlu ditanamkan di seluruh negara, samada untuk kegunaan dalam negeri seperti beras, jagung dan sekoi dan penggunaan luar negeri seperti ubi kayu dan lada hitam.

Kalau tidak ada planning dan strategy di dalam pembangunan sektor pertanian ini akibatnya ialah petani-petani dan peladang-peladang menanam sesuka hati dan ikut mengikut sahaja.

Kita mesti mempunyai rancangan-rancangan dan planning yang lengkap atau apa yang dikatakan overall and comprehensive planning di semua peringkat dalam semua bahagian, termasuklah jenis tanaman di mana penanamannya, luas kawasannya, credit input dan juga pasarannya. Di samping itu cukai impot juga, excise, dorongan dan galakkan semuanya melalui kuasa Belanjawan dan hendaklah digunakan untuk menjayakan comprehensive planning itu.

Jiwa daripada Belanjawan kita ini hendaklah meniup semangat dan jiwa yang benar-benar diperlukan di dalam sektor pertanian kita. Tuan Yang di Pertua, ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyentuh banyak perkara, terutamanya perkembangan-perkembangan yang terdapat dalam ekonomi negara yang berasaskan dasar ekonomi baharu.

Saya merasa gembira dengan perkembangan ekonomi di negara kita. Untuk mencapai tujuan dasar ekonomi baharu, ekonomi negara mesti berkembang dan Yang Berhormat Menteri Kewangan berkata unsur yang perlu bagi kejayaan dasar ekonomi baharu ialah pertumbuhan. Seperti kita semua ketahui dasar ekonomi baharu adalah dikatakan seperti serampang mata dua. Satu mata untuk menikam momok kemiskinan atau lembaga kemiskinan untuk dihapuskan di kalangan semua kaum, tidak kira samada kaum bumiputra atau bukan bumiputra yang termasuk dalam gulungan yang miskin dan satu mata lagi ialah untuk menyusun semula masyarakat.

Saya bersetuju bahawa perkembangan ekonomi adalah unsur yang perlu bagi kejayaan dasar ekonomi baharu kita, akan tetapi setakat manakah kejayaan dalam menghapuskan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat kita telah dicapai.

Tidak berapa hari lagi kita akan melangkah ke tahun 1973. Ini bermakna dasar ekonomi baharu telah masuk ke tahun yang ketiga.

Seringkali saya mendengar Menteri-menteri, pegawai-pegawai Kerajaan yang kanan, tokoh-tokoh politik bahkan pemohon-pemohon lesen dan tanah dan sebagainya merujuk kepada lafas Dasar Ekonomi Baru sebagai alasan dan sebab untuk menguatkan sesuatu hujah, untuk menguatkan satu tuntutan atau tujuan untuk meyakinkan kehendak-kehendak mereka itu. Ini, Tuan Yang di Pertua, adalah mendukacitakan. Sepertilah juga ucapan Belanjawan yang hanya menitikberatkan di atas perkembangan atau apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pertumbuhan sahaja. Saya lebih suka menggunakan perkataan perkembangan, perkembangan ekonomi daripada istilah pertumbuhan ekonomi, kerana ekonomi kita telah lama tumbuh bahkan makin tumbuh makin tinggi pertumbuhannya. Cara ianya tumbuh selama berabad-abad inilah yang telah menimbulkan masalah pada hari ini iaitu tidak seimbang-nya di pihak berada dengan pihak yang tidak berada dan memerlukan penyusunan semula masyarakat.

Maksud saya sudah saya terangkan pada tahun yang lepas pada masa membincangkan Belanjawan tahun lepas. Tiap-tiap ucapan Belanjawan tak usahlah hanya, saya ulangi perkataan "hanya" menerangkan kejayaan-kejayaan dari segi perkembangan ekonomi atau economic growth sebagai ukuran atau yard-stick kejayaan negara mencapai Dasar Ekonomi Baru. Saya percaya economic growth memanglah mustahak dan memang diperlukan dalam mana-mana negara, tetapi bila economic growth ini dianalisis dan sekarang bagi tahun yang ketiganya apakah kedudukannya dengan dua anasir atau element dalam Dasar Ekonomi Baru iaitu tujuan menghapuskan kemiskinan dengan tidak kira kaum itu dan tujuan menyusun semula masyarakat itu, apakah kita berjaya atau tidak? Apakah target atau matlamat

yang digunakan oleh Kerajaan dalam memperangkakan atau mengqualifiedkan digunakan. Mengqualifiedkan konsep dalam kedua-dua tujuan Dasar Ekonomi Baru ini, misalnya dalam tujuan menyusun semula masyarakat adalah menjadi matlamat Kerajaan mewujudkan satu masyarakat Melayu dan lain-lain bumiputra yang perdagangannya sebanyak 30% tercapai dalam masa 20 tahun. Tahun ketiga akan bermula tak berapa hari lagi. Pada hemat saya Belanjawan dan sifat-sifat perkembangan ekonomi mestilah diselaraskan dengan kedua-dua maksud Dasar Ekonomi Baru. Perkembangan atau pertumbuhan ekonomi sungguhpun menjadi syarat yang perlu bagi kejayaan Dasar Ekonomi Baru tidak semestinya bahawa yang dikatakan economic growth automatically leads to economic distribution. Ini dapat disaksikan daripada apa yang berlaku, Tuan Yang di Pertua, di Brazil. Economic growthnya antara yang paling tinggi di dalam dunia iaitu di antara 12% hingga 15% tetapi lihat rakyatnya, bezanya antara rakyat yang mendapat kesempatan di dalam economic growth itu dengan rakyat yang tidak termasuk dalam aliran pertumbuhan ekonominya kerana yang di dalam aliran pertumbuhan ekonomi ini dia makin tinggi makin besar menjadi gergasi, tetapi yang tidak termasuk dalam aliran perkembangan ekonomi ini tinggallah begitu menjadikan gergasi ini memandang jauh ke bawah kepada rakyat yang tidak termasuk di dalam aliran arus perkembangan ekonomi ini.

Begitu juga kalau kita lihat di Hong Kong yang tidak begitu jauh dari sini. Bagaimana perkembangan ekonomi di sana terlalu tinggi, terlalu baik, terlalu pesat tetapi kepada orang yang pergi ke Hong Kong boleh dapati bagaimana keadaannya, bagaimana bezanya di antara orang-orang yang masuk dalam arus perkembangan ekonomi ini atau pertumbuhan yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang termasuk di dalam perkembangan ini tetapi dengan rakyat yang tidak termasuk dalam arus perkembangan ini atau pertumbuhan ini, perkataan ini yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi kita tidak hendak begitu. Brazil, Hong Kong dan banyak negara lain yang kita perhatikan. Di Brazil sehinggakan Presidennya minta kepada Gabenor-gabenor Bank yang di dalam World Bank Report minta supaya dapat diperhati-

Dasar Ekonomi Baharu ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang akan memberi galakan kepada orang-orang kita Malaysia. Sebaliknya, saya berasa dukacita di atas perkembangan mahupun pembangunan yang telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini. Dari itu di Bahagian saya sangatlah tidak memuaskan hati oleh kerana Rancangan Malaysia Kedua ini sudah dilaksanakan selama dua tahun, tetapi nampaknya tidak ada apa-apa yang dibuat oleh Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri. Saya berharap di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini pegawai-pegawai yang berkenaan menjalankan tugas mereka supaya rakyat yang di luar bandar berasa puas hati

oleh kerana rancangan-rancangan yang telah dijalankan tidaklah ada yang sesuai kepada mereka masing-masing.

Dalam pada itu, saya berseru lagi kepada Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri menimbangkan sehalus-halusnya perkara ini, oleh kerana saya tahu orang-orang yang di luar bandar banyak yang menerima kesusahan. Yang pertama sekali, daripada setahun ke setahun cukai makin meningkat naik; oleh kerana mereka tidak ada satu pekerjaan untuk orang-orang yang miskin pada hari ini. Oleh yang demikian seharusnya Kerajaan memikirkan supaya rakyat-rakyat kita Malaysia hidup mereka adalah bersamaan seperti orang yang makan gaji.

Kebanyakan orang-orang kita, di dalam Bahagian saya yang terutama sekali, pada masa sekarang ini apabila harga getah jatuh, harga barang-barang naik pula. Mereka tidaklah mampu menampung pendapatan mereka dari sehari ke sehari.

Rancangan-rancangan ataupun pembangunan-pembangunan yang telah dijanjikan oleh Kerajaan daripada Rancangan Malaysia Yang Pertama sehingga ke Rancangan Malaysia Yang Kedua, setakat ini kami hanya menerima kemudahan air, tetapi Kerajaan berkata rancangan ini adalah untuk rakyat yang di luar bandar, tetapi dukacitanya tidak ada sebuah kilang yang ditubuhkan di dalam Bahagian Kelima, oleh kerana itulah ramai orang-orang kampung yang mencari makan ke tempat lain seperti di Brunei dan Indonesia. Oleh itu, saya berasa dukacita di atas perkara ini dan saya berharap Kerajaan kita akan membuat suatu rancangan pekerjaan untuk kepentingan di masa yang akan datang.

Tuan Yang di Pertua, rancangan-rancangan seperti pembangunan General Hospital di Limbang boleh dikatakan belum dibuat lagi. Oleh kerana hospital ini adalah termasuk di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, dua tahun sudah berlalu namun hospital tersebut belum dibuat lagi sampai sekarang. Dari itu, saya berharap Kementerian yang berkenaan akan dapat menjalankan tugasnya dengan sebaik-baiknya mengikut Dasar Ekonomi Baharu ini.

Yang kedua, berkenaan dengan pertanian dan perikanan di Bahagian saya belum ada nampaknya. Dari itu, saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menu-

buhkan bahagian pertanian dan perikanan dan taliair supaya rakyat-rakyat yang di luar bandar mendapat sokongan daripada Kerajaan Malaysia kita.

Dari itu, saya juga menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya mengambil perhatian yang berat serta langkah-langkah yang berpatutan diambil di dalam Bahagian Kelima, oleh kerana Bahagian Kelima adalah jauh mundur ke belakang tentang pelajaran. Oleh itu, diharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapatlah memberi kemudahan supaya diadakan Tingkatan IV, Tingkatan V dan Tingkatan VI di Bahagian Kelima.

Dan juga rancangan-rancangan yang dikatakan akan diadakan di Bahagian saya itu sangatlah tidak memuaskan hati. Tanah cukup besar, cukup luas, walaubagaimanapun sebuah pun tidak terdapat kilang yang besar, projek-projek yang besar seperti kelapa sawit dan sebagainya. Dari itu, saya minta kepada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri supaya membaiki taraf hidup di masa yang akan datang orang-orang yang di luar bandar.

Yang penting sekali lagi, Tuan Yang di Pertua, berkenaan jalanraya. Tujuh batu sekeliling yang saya dapat tahu itu adalah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama. Sekarang sudah masuk ke Rancangan Malaysia Yang Kedua, itupun belum dibina.

Dari itu, saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memberi arahan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya dapatlah dibina di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini.

Penduduk-penduduk di sana, Tuan Yang di Pertua, adalah lebih kurang enam ribu atau tujuh ribu orang. Jalanraya itu kecil sahaja, manakala penduduknya ramai. Kalau diberitahu dalam Dewan yang mulia ini perkara itu terpulang kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri berkata terpulang kepada Kerajaan Pusat. Jikalau diberitahu di dalam Dewan ini Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berkata itu terpulanglah kepada Kerajaan Negeri. Jadi, antara kedua ini, inilah rakyat tidak berasa puas hati, oleh kerana Kerajaan bercakap rancangan-rancangan pembangunan adalah untuk rakyat, tetapi sebaliknya jalanraya tujuh batu sekeliling ini adalah terlambat sedikit pembinaannya.

Saya tahu sudah tiga empat kali saya membincangkan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi belum ada Kerajaan Negeri hendak membenarkannya. Perkara ini, saya minta kepada Menteri yang berkenaan janganlah satu rancangan dan ekonomi baru ini dimasukkan politik, ini adalah dasar yang salah sekali, baik pun parti Pembangkang, kami sebagai pihak parti Pembangkang hanya menyokong Kerajaan tidak lebih daripada itu. Dari itu Tuan Yang di Pertua, sangatlah mendukacitakan di atas perkara perbuatan yang semacam ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mengambil kesempatan sedikit lagi berkenaan gaji guru-guru belumlah ada dikeluarkan, cuma dengar berita sahaja, tetapi sehingga masa sekarang pun gaji guru-guru di Sarawak masih belum diterima lagi dan gaji buruh kasar pun belum diterima juga. Dari itulah saya minta kepada Menteri yang berkenaan supaya menimbangkan perkara buruh-buruh kasar yang menerima gaji \$4 atau \$4.50, \$5 dan ada yang menerima \$6 seperti operator atau drebar tetapi, kalau dibandingkan pada masa sekarang harga barang-barang terlampaulah melambung tinggi. Daripada itulah saya minta kepada Kerajaan supaya menimbangkan perkara ini, terutama sekali buruh-buruh kasar di Sarawak supaya taraf hidup orang-orang di luar bandar sama seimbang dengan orang-orang yang bekerja dalam bandar supaya kita dapat aman dan damai di masa yang akan datang. Dari itulah sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas Dasar Ekonomi Baru ini buatlah dengan mengikut dasarnya yang sebaik-baiknya.

Tuan Yang di Pertua, ada satu kejadian kemalangan yang besar berlaku di Bahagian Kelima iaitu seorang kakitangan Kerajaan dari Bahagian Kelima telah bertukar ke Bahagian Ketiga. Dukacita pekerja itu terus meninggal dunia dalam Jajahan Ketiga dan Kerajaan tidak memberi tambang balek ke Limbang dengan penuh yang diminta oleh keluarga mereka hanya dapat setengah bayaran, jika tidak salah saya barangkali \$1,500 atau \$1,600. Oleh kerana mereka ini bertugas di dalam Pejabat Kerajaan seharusnya Kerajaan bertanggungjawab kepada mereka yang kematian dan tidak bertimbang rasa pula kepada keluarga mereka yang miskin itu.

Saya harap Menteri yang berkenaan dapatlah menguruskan hal ini dengan sehalus-halusnya supaya kakitangan-kakitangan Kerajaan berpuas hati mendapat pertolongan istimewa kepada rakyat bukan hanya kita mengadakan perpaduan masyarakat adil. Jikalau perbuatan itu tidak ada perpaduan, tidak ada masyarakat adil jadi tercicirlah satu-satu Kementerian. Saya harap sekali lagi kepada Kementerian supaya menjalankan tugas beliau janganlah memilih kaum, jangan memilih bangsa dalam menjalankan Dasar Ekonomi Baru supaya orang-orang miskin di luar bandar mendapat taraf kehidupan yang sama. Kita semua adalah rakyat Malaysia tidak memilih kaum dan tidak memilih bangsa dan kita semua adalah satu bangsa Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): (*Dengan izin*) This is the second Operating and Development Budget presented to this House during the Third Parliament. We of the People's Progressive Party of Malaya do not completely oppose this Budget. We may have some reservations and some observations to make about this Budget.

This year's Budget, no doubt, is a mild and painless Budget. But the poor people are affected most because the Government increases taxes in such a way that only electrical appliances, imported fruits and other articles, which bring hardship to the lower income group are affected.

The main exports from Malaysia are tin, rubber, oil-palm, timber and coconuts. Most of these export commodities are exported to America, Europe and Japan. The Government should have more trade relations with Russia, China, Africa and other socialist countries in the world so that our local produce would be in a position to compete in other international markets. As it is now, we have depended too much on the United Kingdom and America for our rubber markets.

The price of rubber is at its lowest ebb since postwar. Even though the purchases of rubber to stockpile it only resulted in a limited success, it must be admitted that the basic problem is not that of excessive speculation, which, even though it might exaggerate market trends, is definitely a short-term phenomenon and any action to stabilise rubber price must be a concerted

action on an international scale if the operation is to have any chance of success. Now, we must not only look for markets in Europe but also look for expanding markets in Asia. Part of the problem today is that production is beyond consumption. Another challenge is the synthetic rubber of the United States. Whilst we are fighting for national survival and looking for alternatives, the tin price is also depressed and is at the mercy of the manipulation of the stockpile releases in America.

Mr Speaker, Sir, on the question of excessive production, perhaps the smallholders are the people affected most by the falling rubber price because:

- (1) they do not have high yields;
- (2) they cannot replant their holdings;
- (3) they cannot afford to put fertilisers;
- (4) they do not have the milling system and facilities like the big European estates or Lee Rubber who provide their own mills, their own transport, their rubber research departments and also the best management and the direct contact with sales overseas. Not only that, they even have the technical know-how and are able to obtain fast information from the Rubber Research Institute and from other chemical firms with regard to fertilisers and insecticides. This does not happen to the smallholders.

Then when it comes to sales, the smallholders have to take their rubber to be milled and to be smoked by another agency because they cannot afford to have their own smoke-houses. In order to solve this problem, not only must the Government look into the question of marketing rubber abroad but also to marketing of rubber within our national boundaries. If we do not have these proper marketing facilities for the smallholders, then they would be the victims of the middleman who must of necessity keep a margin for himself.

Mr Speaker, Sir, much has been said and assurance was given by the Government that Government would not interfere with the expansion of schools of all media in Malaysia. There are five Lower Secondary Schools in Perak to be closed sooner or later because the Government would not direct any more Form One pupils to these schools in 1973. So

they are dying of cancerous disease. I appreciate the reasons given by the Ketua Pegawai Pelajaran, Perak, that for the benefit of the school children, he has to take such drastic action. Sir, is this what we call for the benefit of the children when they have to travel further from their present schools? This has caused a lot of hardship to the parents who have to pay more bus fares. Pupils have to travel longer distances to schools. Teachers would have to be retrenched owing to the shortage of pupils and other environmental nuisance.

Sir, at present there are only three secondary schools in Ayer Tawar, namely:

- (1) Sekolah Ambrose;
- (2) Sekolah Menengah Ayer Tawar;
- (3) Sekolah Menengah Methodist, Ayer Tawar.

The three secondary schools are insufficient to cater for the huge population in Ayer Tawar and I do not understand why the Ketua Pegawai Pelajaran Perak chose to take such action against the Sekolah Menengah Methodist, which has produced the best results for the L.C.E. in the district for the last ten years. This school is least affected by drop-outs because of the good results. Besides that, the school has every right to claim for Upper Secondary classes because the school has been equipped with a modern science laboratory, library and home science facilities. The parents are happy because of the good results and good administration and also all the facilities provided by the school. There is no reason why such schools should be closed and redirect all pupils to S.M.J.K., Ayer Tawar which has no proper facilities and Government examination results are bad. It is just because of political influence and also because the Headmaster of S.M.J.K., Ayer Tawar, is a blue-eyed boy of the Ketua Pegawai Pelajaran, Perak. That is the only reason I can see. Such action has been instituted and manipulated by politicians.

Mr Speaker, Sir, another point I would like to raise is the discrimination of teachers in Perak. In other States in Malaysia, all pre-war Chinese simplified normal trained teachers have been placed in the same category of C2 in the Aziz Scheme which is equivalent to School Certificate holders but the Perak State denied them of such privilege.

There should be uniformity in the teaching profession, but teachers who have the same qualification have been placed under different scales. This is something very urgent that the Ministry should look into and assure the House that those with the same qualification would be given the same parity throughout Malaysia.

Mr Speaker, Sir, the Perak Education Department is very slow in making out payments for the teachers of their Aziz Commission recommended pay and roughly only about 60 per cent of teachers in Perak have got their arrears since the implementation of this Scheme started in January 1972. This has caused speculation because the K.P.P. and his staff were the first to get their arrears while teachers, school clerks and gardeners are still waiting for their pay. This type of bad administration and favouritism should be checked and many of the officers in Perak have been there for more than a decade and it is time that the Government looked into their long stay.

Sir, I would like also to say something about rural development. It should not be on a set pattern but should be conditioned by circumstances and conditions in particular States. It is my firm belief that priority in the States should be for communications and more land should be given to the landless. Therefore, in dealing with rural development, the importance of communications should be foremost in any development plan and so by creating more roads it should also help to provide more services like medical and health services, education, trade and industries. The emphasis I can see today is the giving out of land to the landless which will help to reduce unemployment and also to narrow the gap between the "haves" and the "have-nots". It is therefore my contention, Sir, that the Government should be flexible in its rural development policy and also to allow States to decide in what forms and in what priority the development programmes should be achieved.

Sir, new villages have been neglected and even till now their conditions remain the same though a new Ministry had been created a year ago to look into the conditions of the new villages. No proper amenities have been provided by the Ministry because there is no allocation in the Federal Estimates for 1973. The Honourable Minister

has made extensive study tours to the new villages and so far he has visited 108 villages, but it has brought no benefit to them and, in fact, it has added a burden to the public and the taxpayers. It has become a Malaysian history that a Cabinet Minister visited more than 108 villages in Malaysia within 10 months, costing more than \$2,000 for subsistence and travelling allowances just for the sake of cheap publicity in the newspapers. Sir, I have gone through page after page of the Federal Estimates for 1973 and found that there is no allocation for such a Ministry and I don't quite understand from where he could allocate the \$38,000 which he approved on the spot during his recent tour in my constituency in Bruas to the five new villages for capital works, such as road constructions and repairs to the community halls. The five villages are Ayer Tawar New Village, \$10,000; Kampong Raja Hitam New Village, \$10,000; Kampong Jering New Village, \$10,000; Kampong Gelong \$3,000; and Bruas New Village \$5,000.

Sir, this is a very good publicity and I urge the Ministry to allocate more money for other villages in Malaysia for road constructions and other facilities. Thank you, Sir.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong penuh belanjawan bagi tahun 1973 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan ini kelmarin kerana menurut hemat dan pendapat saya tidak banyak menyusahkan rakyat terutama sekali yang berpendapatan rendah.

Dalam pada itu, Tuan Yang di Pertua, Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang tegas, kerana ada ahli-ahli perniagaan yang tamak pada keuntungan dengan tidak gemar memikirkan kepentingan negara untuk mengambil kesempatan dengan barang-barang yang dinaikkan cukai.

Mereka mengelirukan rakyat terutama sekali penduduk luar bandar. Saya mengharapkan bahawa bila mana mereka mendapat barang-barang yang dinaikkan cukai baharu-baharu ini hendaklah menerima dengan hati yang tenang, lapang, kerana kita sebagai rakyat yang telah menerima perubahan hidup menghendaki pembangunan dan kemajuan tentu tidak terlepas daripada bahang yang dikenakan cukai itu.

Tuan Yang di Pertua, sebelum daripada saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini, gemar saya menyentuh atas ucapan yang dibuat oleh parti Pembangkang pada hari kelmarin terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur (D.A.P.) Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat (PEKEMAS) dalam tiga perkara yang ditimbulkan dalam Dewan ini.

Yang pertama, mereka telah mendewadewakan Singapura patut dibuatkan panduan dan contoh kepada Malaysia.

Yang kedua, mereka minta Kerajaan supaya mengkaji semula belia-belia yang ditangkap disebabkan menaikkan Bendera Merah baharu-baharu ini.

Yang ketiga, mereka menyeru Kerajaan mesti mengadakan polisi berbilang bangsa.

Tuan Yang di Pertua, kepada Ahli Yang Berhormat yang pertama itu, sayugia diingat bahawa kita rakyat Malaysia mempunyai asas keperibadian yang sendiri, tidak suka mengambil contoh daripada negara Singapura walaupun negara itu negara jiran kita.

Menurut himah saya, Tuan Yang di Pertua, tidak selayaknya kita menerima contoh daripada negara yang tersebut. Sebab negara itu, ialah sebuah negara yang kita berikan kemerdekaannya, setelah itu mereka menerima nasihat daripada Israel (Yahudi), samada pentadbiran, pembangunan dan tentera. Itulah sebabnya saya mengingatkan ahli-ahli D.A.P. khususnya, supaya berhati-hati dalam masaalah menyeru Kerajaan kita pada mengambil contoh dan tauladan daripada Singapura itu.

Bagi kita, Tuan Yang di Pertua, rakyat Malaysia kenal latarbelakang Yahudi iaitu satu Kerajaan yang diujudkan dengan kehendak kuasa-kuasa besar. Setelah itu mereka pula mengusir penduduk-penduduk asli di Palastine. Barang di jauhkan Allah, kejadian ini supaya tidak berlaku di negara kita dan inilah juga yang diidam-idamkan oleh parti D.A.P. itu.

Yang ketiga, Tuan Yang di Pertua, kita tahu Israel juga melakukan kekejaman, kezaliman kepada manusia yang tidak berperikemanusiaan, dan satu negara yang degil, tidak mahu mematuhi perintah Bangsa-bangsa Bersatu supaya mereka keluar daripada negara yang dicerobohnya.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, dalam masaalah Bendera Merah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari D.A.P. semalam, nampak saya mereka ini adalah bersimpati kepada belia-belia yang melakukan anasir subversif dengan terang-terang. Ini dapat saya tunjukkan, bilamana Bendera Merah ini dinaikkan di salah sebuah padang di Daerah Muar, maka datanglah belia-belia daripada anasir subversif ini mengejek-ejek dan mentertawakan Pasukan Polis kita dan pakar-pakar bom yang hendak menurunkan bendera itu dan hendak membuang bom itu dengan tujuan keselamatan rakyat. Belia-belia ini, Tuan Yang di Pertua, mengejek-ejek Angguta Polis kita dan askar kita hingga mengambil satu tindakan yang lain. Ini menunjukkan bahawa apa yang saya fahamkan Parti D.A.P. ini sekarang telah mengambil satu kesempatan memberikan pembelaan kepada anasir-anasir subversif dalam negeri ini. Dengan keadaan ini, Tuan Yang di Pertua, itulah sebabnya ahli-ahli dalam Parti D.A.P. ini yang taat setia kepada negara ini telah keluar daripada partinya dan bertambah dari semasa ke semasa dan saya memikirkan bahawa parti ini satu masa akan menerima kehancuran.

Tuan Yang di Pertua, beliau juga telah menasihatkan Kerajaan supaya mengamalkan polisi berbilang bangsa diadakan. Saya harap ahli-ahli D.A.P. dan juga parti-parti Pembangkang jangan hendak mengulang-ulangkan seruan ini. Seruan ini dibuat menurut himah saya adalah berupa menentang Perlembagaan negara kita, iaitu ketika Kerajaan kita hendak melaksanakan peruntukan yang ada dalam Perlembagaan itu, dengan tujuan hendak mengukuhkan kedudukan bumiputra dalam semua bidang yang dikehendaki dalam Perlembagaan, tatkala itulah Parti D.A.P. ini menyeru kepada Kerajaan supaya diberi satu polisi kepada berbilang bangsa. Dan apa yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang, telah menjadi dasar Kerajaan yang sayugia dipatuhi oleh semua rakyat dalam negeri ini, dan ini tidak pula merugikan atau merosakkan hak-hak rakyat yang lain.

Langkah yang dibuat oleh Kerajaan sekarang, Tuan Yang di Pertua, dengan tujuan hendak menyusun masyarakat Malaysia yang baru, termasuk juga Ahli Yang Berhormat dari Seremban Barat, rakannya juga, menghendakkan supaya Kerajaan mengadakan atau melaksanakan

kebudayaan berbilang kaum. Ini juga kita telah berkali-kali menyatakan bahawa kebudayaan nasional Malaysia ini hendaklah berteraskan kebudayaan bumiputra atau kebudayaan Melayu. Dengan ini, kita tidak juga melepaskan kebudayaan-kebudayaan rakyat yang telah menjadi warganegara ini dan dengan kita jadikan kebudayaan Malaysia ini kelak bahawa setengah-setengah kebudayaan yang ada berunsur Malaysia ini dapat kita terima. Dengan itu, luaslah kebudayaan kita pada masa depan.

Dengan mengadakan kebudayaan yang berbilang kaum itu akan mencelurukan rakyat negeri ini dan juga tidak dapat Kerajaan menunjukkan mana satu kebudayaan nasional Malaysia.

Tuan Yang di Pertua, dalam masaalah ini telah juga diamalkan oleh Kerajaan kita bahawa kita katakan satu daripada unsur kebudayaan dan kesenian iaitu ugama. Kerajaan telah menjadikan Islam itu sebagai ugama rasmi negeri ini dan tidak menghalang rakyat lain menganut ugama masing-masing. Begitu juga dalam masaah kebudayaan, kebudayaan yang kita teraskan, kebudayaan nasional itu hendaklah diamalkan oleh rakyat Malaysia yang mana tidak menyentuh, tidak merosakkan kebudayaan rakyat yang lain, kerana di Malaysia ini banyak unsur-unsur kebudayaan itu diterima daripada kebudayaan luar daripada Malaysia ini dan kita jadikan kebudayaan kita dan dengan ini, saya fikir, tidaklah payah parti-parti Pembangkang khasnya, daripada D.A.P. meragukan atau mencurigai atas perlaksanaan Kerajaan berhubung dengan kebudayaan ini.

Tuan Yang di Pertua, gemar saya memberikan rumusan dalam ucapan yang saya hendak katakan di dalam Dewan ini, iaitu saya mengambil tiga tajuk.

Yang pertama, dalam bidang pengurusan.

Yang kedua, dalam bidang pembangunan.

Yang ketiga, dalam bidang menambah pendapatan negara.

Dalam bidang pengurusan, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita, belanjawannya berjumlah \$3,154,631,632 dan pembangunan berjumlah \$1,487,522,103. Dengan keadaan yang semacam ini, Tuan Yang di Pertua, saya cuma hendak menyentuh dalam bidang pengurusan yang akan banyak ditambahkan

peruntukannya, iaitu dalam Perkhidmatan Masyarakat, Kementerian Pelajaran, dan Kesihatan.

Saya cuma hendak sentuh dalam bidang pelajaran. Saya menyokong penuh anggaran tambahan yang diperuntukkan kepada Kementerian ini sebab pada masa hadapan masaalah yang dihadapi oleh Kementerian ini sangatlah berat, khasnya memberikan latihan dan pendidikan kepada anak-anak negeri ini.

Satu perkara lagi gemar saya bangkitkan dalam masaalah pelajaran ini dan ini saya kemukakan dalam Dewan ini dalam soal tambahan, tetapi malangnya perkara itu tidak ada kaitan dengan soal yang ada di hadapan kita pada hari itu, iaitu saya nampak bahawa sukatan pelajaran kita yang ada di Malaysia pada masa sekarang sudah lapuk, tidak sesuai dengan keadaan pembangunan pada masa ini. Oleh itu, saya mengharapkan supaya Kementerian ini akan mengkaji semula sukatan pelajaran yang berjalan dalam negara ini dan diwujudkan satu sukatan pelajaran yang bermutu yang sesuai dengan perkembangan negara kita.

Tuan Yang di Pertua, dalam masaalah pelajaran ini juga, saya mengharapkan Kementerian yang berkenaan supaya memberikan latihan kepada anak-anak kita daripada peringkat bawah hingga ke sekolah menengah, maktab guru hatta ke universiti sekali pun supaya dasar pelajaran ataupun syarahan yang akan diberikan di maktab perguruan itu hendaklah diperbanyakan supaya mereka itu menerima ilmu pengetahuan berhubung dengan sejarah dan kebudayaan Malaysia. Sebab sekiranya guru-guru yang akan mengajar anak-anak kita pada masa yang akan datang itu liar dengan sejarah Malaysia, liar dengan kebudayaan Malaysia, maka buruklah akibatnya. Mereka mestilah mencintai akan kebudayaan negaranya sendiri dan yang hendak kita ajar ini ialah anak-anak Malaysia sendiri. Sekiranya tak dapat kita didiki atas hasrat rakyat, kehendak ibubapa, kehendak Kerajaan maka tak dapatlah dilaksanakan usaha bagi memaju dan meninggikan kebudayaan nasional.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, menurut himat saya, dalam pelajaran juga Kerajaan sayugia mengkaji semula berhubung dengan mata pelajaran ugama, yang diberikan kepada sekolah-sekolah di semua

peringkat samada menengah, rendah ataupun universiti, supaya pelajar-pelajar itu dapat menerima pelajaran agama ini dengan sepenuhnya, dan tatkala itu pelajar-pelajar itu akan dapat menjadi seorang rakyat khasnya umat Islam yang mempunyai pengetahuan agama Islam yang luas dan tinggi dan daripada itu juga mereka akan mempunyai semangat agama dan keperibadian yang kuat, dan boleh meneruskan pelajarannya bukan sahaja dalam bidang agama yang progresif, tetapi boleh juga meneruskan pelajaran dalam bidang akademik yang dikehendaki.

Pihak Kerajaan pula pada masa ini telah mengadakan berbagai Maktab Perguruan. Tetapi malangnya hingga setakat ini Maktab Perguruan Agama yang kita harapkan itu belum lagi diwujudkan oleh Kerajaan. Maktab ini akan dapat melatih dan mengajar guru-guru agama di seluruh Malaysia ini bagaimana yang dibuat oleh Kerajaan kepada guru-guru yang lain. Saya berasa kurang senang hati, kerana telah 15 tahun kita merdeka, Maktab Perguruan Agama yang dikhaskan bagi guru-guru agama dalam negara ini belum dapat didirikan oleh Kerajaan.

Selain daripada itu juga gemar saya memberitahu Kementerian ini dengan peruntukannya yang bertambah dalam permintaannya yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita, iaitu di sekolah-sekolah luar bandar khasnya sekolah-sekolah rendah, ada sekolah-sekolah yang pada masa sekarang, tidak mendapat bekalan air paip. Ada sekolah yang Kerajaan dirikan bangunannya, samada sekolah menengah ataupun sekolah rendah, ataupun sekolah yang dahulu didirikan oleh Kerajaan, tetapi malangnya di sekolah itu tak ada perigi, tak ada paip air. Bukanlah semua sekolah, ada sekolah-sekolah yang sama sekali tak ada perigi, air paip yang bersih untuk minuman kanak-kanak waktu rehat di sekolah itu. Yang anihnya, Tuan Yang di Pertua, kanak-kanak kita itu bila mana mereka kehausan, berkejaranlah mereka pergi ke rumah-rumah yang berdekatan dengan sekolah itu.

Saya harap Kerajaan dalam menyusun sekolah-sekolah dengan peruntukan yang ada diberikan ini, mana-mana sekolah yang tak ada bekalan air paip, tak ada perigi, tak ada paip air, hendaklah diadakan dengan

seberapa segera yang boleh, kalau kita hendakkan anak-anak kita itu hidupnya sihat dengan minuman air yang bersih.

Tuan Yang di Pertua, dalam bahagian kesihatan, Kementerian yang berkenaan juga mendapat peruntukan yang banyak, tetapi saya suka menyentuh dalam peruntukan yang begini banyak supaya Kementerian ini mengambil perhatian atas kegagalannya, bahawa Kementerian ini belum lagi dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat di luar bandar, walau pun perkara ini sebenarnya sudah berkali-kali Menteri Kesihatan menyatakan bahawa perkara tersebut telah diambil tindakan, telah dapat diselesaikan. Tetapi kita tengok dari semasa ke semasa belum berkesan lagi. Dengan kewangan yang sebegini banyak akan merugikan negara dan tidak berkesan kepada rakyat.

Saya contohkan, Tuan Yang di Pertua, saya hendak terangkan di sini umpamanya Kementerian ini belum dapat selesaikan masalah yang saya yakin berhubung dengan penyakit berjangkit dalam negara ini. Kerajaan patutlah bersungguh-sungguh mengambil tindakan mencegah penyakit-penyakit seperti batuk kering, malaria, kepialu dan kusta.

Saya berpendapat Kerajaan tidak berjaya mencegah penyakit taun, hingga berjangkit kepada 8 buah Negeri dalam Malaysia dan 27 Daerah telah terlibat dengan penyakit taun. 287 orang disahkan mendapat penyakit taun; 419 dipercayai terlibat dengan kuman taun dan 11 orang telah maut.

Dalam masalah ini, Tuan Yang di Pertua, walaupun Kerajaan telah mengambil tindakan, tetapi dari semasa ke semasa kita dapat lihat tidaklah berkurangan jumlah penyakit taun. Mungkin juga penyakit taun ini kerana kecuaiannya Kerajaan ketika orang-orang luar masuk ke dalam negeri ini yang membawa kuman-kuman penyakit itu.

Saya harap juga, Tuan Yang di Pertua, jabatan-jabatan yang ada kaitannya dengan kesihatan rakyat hendaklah memberikan kerjasama kepada Kementerian Kesihatan ini. Dan saya mengharapkan Kerajaan bahawa dalam masalah mengatasi penyakit-penyakit yang berjangkit itu tidaklah memadai dengan memberikan nasihat kepada orang ramai sekiranya tidak dilakukan dengan perbuatan. Saya mengharapkan juga

pihak Kementerian Kesihatan ini supaya berhubung dengan Kementerian Kerja Raya untuk mendapatkan bekalan air paip di kampung-kampung. Bekalan air paip itu, Tuan Yang di Pertua, satu perkara yang penting di kampung-kampung. Sebab orang kampung sekarang ini, kalau tidak minum air paip, mereka minum air perigi. Air perigi yang diminum itu kadang-kadang ada mendatangkan berbagai penyakit, sebab ada kuman dalam perigi itu. Jadi tatkala itu kita dapat pula rakyat dalam negeri ini diserang oleh penyakit yang berjangkit seperti taun. Sebabnya, saya hendak contohkan lagi dalam satu masalah seperti ini, saya ada mendapat pengalaman di satu kawasan yang disyaki terlibat dengan taun, di kawasan Asahan dekat dengan Gunung Ledang. Sebuah perigi di situ bila diselidiki, disiasat, betul-betul ada kuman taun dalam perigi itu. Kemudian daripada perigi itu pula diperiksa di seluruh kawasan itu, perigi-perigi yang ada itu semua mempunyai kuman penyakit taun. Dalam keadaan yang seumpama itu, Tuan Yang di Pertua, kita kena awasi supaya kesihatan rakyat di luar bandar itu sama penting tarafnya dengan rakyat yang duduk dalam bandar.

Kerajaan janganlah mengutamakan kesihatan orang dalam bandar semata-mata, tetapi kesihatan orang luar bandar itu juga patut diutamakan, sebab rakyat negeri kita ini sama tarafnya, sama hajatnya berkehendakkan kesihatan yang sempurna, tetapi bagi mereka di luar bandar itu, kalau tak ada pertolongan dan bantuan Kerajaan tidaklah berupaya umpamanya untuk mengadakan tandas jirus. Banyak rakyat luar bandar yang tak berupaya untuk membeli tandas jirus, atau tandas yang moden, pada hal belanjanya cuma tiga empat ratus ringgit sahaja. Dengan kemudahan-kemudahan yang boleh diberikan sebagai bantuan daripada Kementerian ini kepada rakyat yang miskin itu seumpama tandas-tandas moden yang baik, yang dapat menjaga kesihatan rakyat, alangkah baiknya.

Tuan Yang di Pertua, ada satu perkara yang saya hendak bangkitkan dalam dasar ekonomi kita yang ada sekarang, menurut himat saya Kerajaan telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru negara disamping itu memberikan keutamaan kepada orang Melayu dan bumiputra dalam perniagaan dan perusahaan supaya menikmati keadilan 30% dalam masa 20 tahun.

Beberapa rancangan telah Kerajaan aturkan, telah Kerajaan sediakan melalui badan-badan berkanun samada diperingkat Negeri dan Pusat. Tetapi, matlamat mendapatkan kejayaan amatlah muram. Ini berpunca daripada kelunggaran sistem ekonomi free enterprise yang diamalkan sekarang.

Saya fikir, Tuan Yang di Pertua, Kerajaan hendaklah mengkaji dalam dasar ekonomi ini supaya sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru.

Kerajaan juga patut memikirkan ekonomi yang boleh memberi perlindungan kepada orang Melayu dan bumiputra. Sebab, Tuan Yang di Pertua, orang Melayu dan bumiputra bila menjalankan perniagaannya ada persaingan dan ada perlawanannya. Dengan adanya perlawanan dan persaingan daripada ahli perniagaan bukan bumiputra yang ekonominya adalah kukuh, pengalamannya banyak dalam perniagaan, maka bumiputra ini akan keciwa, akan gagal walhal bumiputra ini, Tuan Yang di Pertua, mendapat pinjaman wang daripada Kerajaan, daripada badan-badan berkanun Kerajaan.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, rancangan ekonomi bumiputra ini gagal dan keciwa. Ini juga, akan menghancurkan dasar ekonomi Kerajaan. Saya fikir telah sampai masanya Kerajaan supaya memberikan perlindungan, memberikan peraturan yang tertentu kepada bumiputra ini.

Satu contoh, Tuan Yang di Pertua, bagaimana perlawanan yang dihadapi oleh badan-badan yang bercurak bumiputra ini, sekarang ini kita katakan yang kita ada PERNAS, dia boleh membekalkan barang-barang tetapi bila sampai di tangan perniagaan itu maka harganya adalah lebih murah daripada ahli-ahli perniagaan Melayu membeli di pasar bebas. Pada hal kita pinjaman wang dengan PERNAS berjuta-juta ringgit.

Yang keduanya, Tuan Yang di Pertua, Kerajaan menggalakan pemburung Melayu, ada kelas "A" kelas "B" kelas "C" dan berbagai-bagai kelas lagi, tetapi bila bumiputra ini hendak membeli barang-barang dan spare partnya kepada orang perniagaan bebas, mereka tidak dapat, kena tunggu dua bulan, kena tunggu tiga bulan, dia kata dia kena order di England dahulu maka dengan keadaan yang semacam ini, usaha Kerajaan hendak menggalakkan bumiputra ini akan

keciwa kelak. Satu lagi perkara, Tuan Yang di Pertua, yang saya gemar menarik perhatian pihak yang berkenaan bahawa dalam ucapan belanjawan Menteri Kewangan telah menyatakan iaitu Kerajaan memberikan kewangan yang banyak kepada badan-badan berkenaan seperti MARA, MARDI, FIMA, UDA, Perbadanan Kemajuan Negeri, tetapi saya minta bahawa badan-badan ini janganlah bertentangan hendaknya dengan orang Melayu yang berniaga. Perbadanan-perbadanan yang besar-besar ini hendaklah mengambil usaha udang-udang galah, manakala udang yang kecil-kecil ini berikanlah kepada bumiputra—ini tidak, dia hendak sapu semua. Daripada udang galahnya sampai udang geragau. Dengan keadaan yang semacam ini, Tuan Yang di Pertua, menurut himat saya yang cetek ini bahawa penggalakan, peransang bumiputra hendak berniaga, hendak berusaha tidak dapat diluaskan sebab semua sekali badan-badan sudah ambil. Saya hendak berikan contoh, Tuan Yang di Pertua. Satu jalan baharu. Jalan baharu patut Kerajaan berikan kepada bumiputra; bumiputra ini telah menubuhkan syarikat kerjasama atau syarikat yang telah diakui, yang telah disahkan, telah dinasihati oleh MARA bahawa syarikat itu boleh berjalan, tiba-tiba berlawan pula dengan Perbadanan Kemajuan Negeri. Bila berjumpa dengan Jabatan Pengangkutan Jalan Raya maka syarikat Bumiputra ini tak dapat. Dia beri kepada MARA atau dia beri kepada Perbadanan. Jadi keadaan yang semacam ini bagaimana hendak suruh bumiputra maju dalam perniagaan, bergiat dalam perniagaan.

Betul hasrat Kerajaan, saya puji tujuannya supaya jangan perkara-perkara yang semacam ini menjadi Ali-Baba. Sekarang orang Melayu bukan Melayu dahulu, Tuan Yang di Pertua. Pada masa sekarang dia bukan Ali-Baba lagi tetapi Baba jadi Ali. Ertinya orang-orang Cina yang tidak berupaya hendak menjalankan perniagaan maka diserahkan kepada orang Melayu pun ada juga. Dan bumiputra sekarang ini fikirannya dalam soal perniagaan dan perusahaan adalah bersungguh-sungguh betul, dia menyahut seruan Kerajaan, dia tidak susah wang, dia boleh pinjam dengan bank, Kerajaan telah sediakan bank, tetapi dengan keadaan yang ada sekarang ini, saya fikir semangat orang hendak berniaga bersungguh-sungguh tidak ada. Walhal kata Kerajaan pada akhirnya hendak serahkan

oleh perbadanan ini kepada bumiputra juga, tetapi berapa tahun, Tuan Yang di Pertua, tidak tentu: lima tahun, enam tahun jadi. Usaha Rakyat, semangat hendak berniaga itu sudah pun putus dan rakyat, sekarang tahu, ahli-ahli perniagaan tahu siapa dia yang duduk dalam badan-badan perniagaan seperti Lembaga Perbadanan Kemajuan Negeri? Dia tahu siapa mereka itu. Kalau dia ini juga meneruskan usaha yang semacam ini dagingnya akan jadi daging pejal dan kental. Bila sudah jadi daging pejal. . . .

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, apa dia daging pejal itu?

Tuan Yang di Pertua: Cubalah terangkan sedikit!

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri dia tahu, dia ahli sastra bersama-sama dengan saya, saya cuma kiasan daging pejal dengan daging kental ini tadi. Jadi bila mana ahli-ahli perniagaan Melayu kita menenguk latar belakang ahli Jawatankuasa Perbadanan Kemajuan Negeri, tiap-tiap negeri ini telah ditubuhkan oleh Kerajaan, dia baca, maka orang ini juga yang mengendalikannya, yang mengusahakan, dia akan bertambah tebal kesenangan dan kekayaannya. Walaupun pada lahirnya, Tuan Yang di Pertua, saya tidak menuduh, lahirnya tidaklah ada dia berterus-terang mendapat daripada ini, tetapi rakyat tahu.

Saya harapkan kepada Kerajaan di masa yang akan datang kelak supaya memikirkan, kalau ada usaha yang hendak dibuat oleh bumiputra yang baik, yang bagus, kita serahkan kepada bumiputra dan Kerajaan hendaklah lepas tangan. Hutang yang ditanggung oleh syarikat itu, syarikat itu sendiri yang bertanggungjawab. Ini tidak, kalau Perbadanan Kemajuan Negeri ini untung, baiklah. Kalau Perbadanan Kemajuan Negeri ini menguruskan hal ini rugi, maka tanggungjawab atas wang ini, wang Kerajaan dan wang rakyat, Tuan Yang di Pertua.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di Pertua, gemar saya menarik perhatian Kementerian ini, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan berhubung dengan tanah. Dan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun menunjukkan bahawa kemajuan yang diusahakan melalui tanah sangat pesat. Saya cuma hendak memberitahu Kerajaan bahawa

bumi Malaysia ini ada tanah subur, dengan sebab berebut-rebutnya ahli perniagaan, saudagar-saudagar dan ahli-ahli jutawan terutama sekali daripada negeri-negeri asing mengeluarkan modal membeli tanah kita. Saya nampak bahawa Undang-undang Tanah Kebangsaan kita sangat lunggar. Ketika hendak memohon tanah-tanah itu sahaja yang disyaratkan bahawa orang yang bukan bumiputra tidak boleh memohon tetapi syarat hendak membeli tanah ini tidak diketatkan. Dengan cara tidak langsung, Tuan Yang di Pertua, bahawa tanah-tanah dalam negeri kita ini yang ada hasilnya dibeli oleh orang-orang terutama sekali negeri-negeri asing yang politiknya sudah bankrupt ataupun keadaan negeri itu tidak begitu baik ekonomi dan pentadbirannya, maka wangnya dilarikan ke Malaysia, beli tanah kita beribu-ribu ekar. Dengan keadaan yang semacam ini secara tidak langsung bahawa tanah kita yang ada ini nama sahaja tanah Malaysia, tetapi dipunyai oleh bangsa-bangsa asing melalui jual beli yang disahkan oleh Kerajaan.

Saya berharap pada masa yang akan datang Kerajaan kenalah mengetatkan peraturan membeli tanah ini, sekiranya bangsa-bangsa asing hendak membeli tanah sayugianya Kerajaan tidak patut meluluskan dan kalau ada syarikat-syarikat asing yang mempunyai ladang yang besar dalam negeri ini ataupun orang perseorangan yang mempunyai ladang yang besar dalam negeri ini, bila mana mereka hendak menjual tanah maka hendaklah ditawarkan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri, tatkala itu Perbadanan Kemajuan Negeri hendaklah membeli tanah itu daripada bangsa-bangsa asing.

Tuan Yang di Pertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.